

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 144

PELABUHAN-PELABUHAN

SUSUNAN BAB-BAB

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Bab

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran
3. Pengisytiharan pelabuhan-pelabuhan dsb.
4. Perlantikan Pengarah Laut dan Pegawai-pegawai lain
5. Tugas-tugas Pengarah
6. Perlantikan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan dan pegawai-pegawai lain
7. Tugas-tugas Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan
8. Kuasa-kuasa Pengarah dan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan
9. Kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat berhubung dengan Pengarah dan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan

-
10. Kawalan dan pengendalian tanah dan bangunan-bangunan Kerajaan di kawasan-kawasan darat pelabuhan-pelabuhan

BAHAGIAN II

BAYARAN-BAYARAN DAN CUKAI-CUKAI

11. Bayaran-bayaran yang kena bayar mengenai kapal-kapal
12. Resit-resit
13. Pengenaan cukai-cukai
14. Pengurangan dan pengenepeian bayaran-bayaran dan cukai-cukai dan pengecualian dari bayaran-bayaran
15. Kuasa memasuki ke dalam kapal-kapal dan dermaga-dermaga prevet
16. Hak menahan barang-barang bagi memperolehi kembali cukai-cukai
17. Kuasa untuk menjual barang-barang yang masih dalam simpanan
18. Kuasa untuk merampas kerana tidak membayar bayaran-bayaran, kadar-kadar cukai, dsb.
19. Tuntutan dengan cara tindakan sivil
20. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh menetapkan kehendak-kehendak bagi pembayaran bayaran-bayaran dan kadar-kadar bayaran

BAHAGIAN III

**PERATURAN MENGENAI PELABUHAN DAN
PERAIRAN**

21. Kuasa untuk melarang dan mencegah kapal-kapal dari memasuki atau terus berada di Negara Brunei Darussalam
22. Peraturan-peraturan
23. Kuasa-kuasa Pengarah dan Pengawal Pelabuhan-Pelabuhan dan pegawai-pegawai yang layak berhubung dengan kapal-kapal
24. Hukuman kerana tidak mematuhi arahan-arahan yang diberikan di bawah bab 23 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 22
25. Menumpahkan minyak, dsb., ke dalam perairan Negara Brunei Darussalam
26. Nakhoda akan melaporkan ketibaan kapal di Negara Brunei Darussalam
27. Tiada sebarang kapal boleh meninggalkan pelabuhan tanpa surat izin belayar
28. Bilakah surat izin belayar boleh ditolak
29. Menguatkuasakan penahanan kapal-kapal
30. Penyelidikan-penyalidikan hydrographic, dsb., tidak boleh dijalankan tanpa perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat
31. Sekatan ke atas kilang atau perusahaan tertentu di kawasan-kawasan laut pelabuhan-pelabuhan

BAHAGIAN IV

PEMANDUAN

32. Pengisytiharan daerah-daerah pemanduan
33. Kapal-kapal boleh dikehendaki menjadi sebagai di bawah pemanduan
34. Mengambil berkerja jurumudi-jurumudi
35. Tanggungan nakhoda atau tuan punya mengenai sebuah kapal di bawah pemanduan
36. Had tanggungan jurumudi manakala jaminan (bond) ada diberikan
37. Pengarah dan Kerajaan tidak bertanggungjawab kerana kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh jurumudi
38. Peraturan-peraturan yang mengatur pemanduan dan kelakuan jurumudi-jurumudi

BAHAGIAN V

HAD TANGGUNGAN KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI SERTA PEKERJA-PEKERJA JABATAN LAUT DAN PELABUHAN

39. Kehilangan atau kebinasaan atau kerosakan kepada barang-barang selain dari barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain.
40. Tanggungan Kerajaan terhadap kehilangan di bawah perjanjian
41. Kehilangan atau kebinasaan, atau kerosakan kepada barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain yang disimpan dengan seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak
42. Bala bencana, dsb.

43. Barang muatan tertakluk kepada kerugian pada amnya atau tertentu
44. Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan-perbuatan pemunggah-pemunggah kapal atau pekerja-pekerja
45. Had tanggungjawab bersabit dengan sesuatu sebab
46. Perlindungan dari tanggungjawab perseorangan

BAHAGIAN VI

PENYINGKIRAN KAPAL-KAPAL YANG TENGGELAM DAN RINTANGAN-RINTANGAN LAIN

47. Kuasa untuk menimbulkan dan menyingkirkan kapal atau pesawat terbang yang tenggelam
48. Penyingkiran rintangan-rintangan selain dari kapal-kapal atau pesawat terbang
49. Penyingkiran rintangan-rintangan tertentu dan ganti-rugi baginya
50. Penyingkiran kapal-kapal yang telah ditinggalkan ter-bengkalai

BAHAGIAN VII

KESALAHAN-KESALAHAN

51. Kerosakan kepada rumah-rumah api, dsb.
52. Berkelakuan salah oleh orang yang bekerja di rumah api
53. Pencegahan lampu-lampu yang mengelirukan

-
- 54. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan keselamatan kapal-kapal, dsb.
 - 55. Hukuman-hukuman tentang memakai jurumudi selain dari jurumudi berlesen
 - 56. Kesalahan-kesalahan jurumudi-jurumudi berlesen
 - 57. Hukuman ke atas jurumudi yang membahayakan kapal, nyawa atau anggota
 - 58. Kegagalan mengambil berkerja jurumudi berlesen di bawah keadaan-keadaan tertentu
 - 59. Pengelakan bayaran-bayaran dan cukai-cukai
 - 60. Penyata-penyata yang tidak benar
 - 61. Hukuman terhadap memberi maklumat yang tidak benar mengenai ukuran terbenamnya kapal dalam air, dsb.
 - 62. Kewajipan untuk memberi maklumat

BAHAGIAN VIII

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

- 63. Menteri boleh menetapkan tempat-tempat yang akan digunakan bagi pemungutan cukai-cukai hasil
- 64. Kuasa-kuasa pegawai-pegawai cukai dalam gudang-gudang Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan
- 65. Penyampaian notis-notis
- 66. Keterangan mengenai siapakah orang itu (identity) mungkin dikehendaki dalam perkara-perkara tertentu
- 67. Kuasa-kuasa menangkap dan menaiki kapal

-
- 68. Pampasan, gantirugi-gantirugi dan perbelanjaan-perbelanjaan akan ditentukan oleh Mahkamah Majistret
 - 69. Mahkamah bagi perbicaraan dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini
 - 70. Peguam Negara akan membenarkan dakwaan
 - 71. Pernyataan akan dibuat dalam aduan atau saman mengenai kesalahan
 - 72. Pengenaan Akta
-

AKTA PELABUHAN-PELABUHAN

S.17/88

Satu Akta untuk mengadakan syarat-syarat bagi mengatur dan mengawal pelabuhan-pelabuhan dan perairan-perairan Negara Brunei Darussalam bagi mendirikan dan menjaga rumah-rumah api dan alat-alat pandu pelayaran dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

S.25/85

Permulaan kuatkuasa : 1 Januari 1986

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran
pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pelabuhan-Pelabuhan.

Tafsiran

2. (1) Di dalam Akta ini, kecuali kandungannya berkehendakkan makna yang lain :—

“binatang” bermakna apa jua barang bernyawa kecuali manusia ;

“jalan-jalan masuk” bermakna, berhubung dengan sesebuah pelabuhan, mana-mana kawasan di Negara Brunei Darussalam yang berhampiran dengan sesebuah pelabuhan dan diisyiharkan di bawah bab 3 sebagai jalan-jalan masuk ke pelabuhan itu ;

“pelampung-pelampung dan lampu-lampu isyarat” termasuk semua tanda dan isyarat lain bagi laut ;

“pegawai Laut yang layak” bermakna Pengarah atau mana-mana pegawai lain dari Jabatan Laut yang bertindak dalam memenuhi tugas-tugasnya di bawah Akta ini ;

“pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak” bermakna Pengawal atau mana-mana pegawai lain dari Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan yang bertindak dalam memenuhi tugas-tugasnya di bawah Akta ini ;

“Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan” bermakna pegawai yang pada masa itu dilantik menjadi Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan di bawah bab 6(1) atau terus memegang jawatan itu di bawah bab 6(2), dan termasuk Timbalan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan ;

“Pengarah” bermakna pegawai yang pada masa itu dilantik menjadi Pengarah Laut di bawah bab 4(1) atau terus memegang jawatan itu di bawah bab 4(2), dan termasuk Timbalan Pengarah Laut ;

“limbungan” termasuk limbungan-limbungan di darat dan pintu-pintu masuk ke tempat itu, limbungan-limbungan kering, kekisi penopang kapal, landaian-landaian kapal, penyendal-penyendal kapal, datar-datar lerengan, dan semua alat jentera, mesin, perkakas dan barang-barang apa pun jua yang melekat atau berhubung dengannya ;

“bayaran-bayaran” termasuk bayaran-bayaran pelabuhan, bayaran-bayaran api, bayaran-bayaran barang-barang, bayaran-bayaran dermaga persendirian, bayaran-bayaran pembuangan sampah, bayaran-bayaran pengemudian dan apa jua bayaran lain yang dikenakan di bawah Akta ini tetapi tidak termasuk cukai-cukai ;

“bayaran-bayaran pembuangan sampah” bermakna bayaran-bayaran yang dikenakan berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Pengawal bagi pembuangan kotoran, sisa-sisa atau sampah daripada kapal-kapal ;

“barang-barang” termasuk binatang-binatang, bangkai-bangkai binatang, barang-barang penumpang dan apa jua harta-benda lain yang boleh digerak sejenis apa pun jua ;

“bayaran-bayaran barang-barang” bermakna bayaran-bayaran yang dikenakan berhubung dengan barang-barang yang diturunkan dari atau diisi ke dalam kapal-kapal ;

“kapal pelabuhan” bermakna apa jua kapal yang digunakan di dalam kawasan sesebuah pelabuhan bagi sebarang maksud ;

“kawasan darat” bermakna, berhubung dengan sesebuah pelabuhan, kawasan pelabuhan selain dari kawasan laut ;

“jurumudi berlesen” bermakna seseorang jurumudi yang diambil bekerja oleh Pengarah menurut Bab 34 ;

“bayaran-bayaran api” bermakna bayaran-bayaran yang dikenakan berhubung dengan lampu-lampu, lampu-lampu isyarat dan apa jua alat pandu pelayaran lain yang dikendalikan oleh Pengarah ;

“rumah api” adalah, selain dari makna biasa perkaatan itu, termasuk apa jua lampu terapung atau lain yang diperlihatkan bagi panduan kapal-kapal dan juga apa jua semboyan dan sebarang jenis isyarat amaran kabus yang lain, dan juga sebarang tambahan kepada sesebuah rumah api berupa apa jua lampu yang lebih baik, atau apa jua semboyan, atau apa jua jenis isyarat amaran kabus ;

“kawasan laut” bermakna, berhubung dengan sesebuah pelabuhan, kawasan pelabuhan (tidak termasuk sebarang dermaga yang terletak di dalamnya) yang terdiri dari perairan laut dan sungai dan dasar laut, dasar sungai dan tepi pantai ;

“nakhoda” termasuk tiap-tiap orang, kecuali seseorang jurumudi, yang berkuasa memerintah atau menjaga apa jua kapal ;

“pelayaran” bermakna pelayaran kapal-kapal ;

“tuan punya”, bilamana digunakan berhubung dengan barang-barang, termasuk sesiapa jua pengirim, penerima, pengirim dengan kapal atau wakil tuan punya bagi penjualan, penyimpanan, memuatkan, pengendalian, pemunggahan atau penyampaian barang-barang itu ; dan bilamana digunakan berhubung dengan sebarang kapal, termasuk sesiapa jua tuan punya yang berkongsi, penyewa khas, pengurus, penerima atau pemajak yang memilikinya atau sesiapa jua wakil mana-mana orang sedemikian yang dibenarkan ;

“penumpang” bermakna tiap-tiap orang yang dibawa dalam sesebuah kapal selain dari nakhodanya dan anak-anak kapal atau orang-orang lain yang bekerja atau mengambil bahagian dalam apa jua kedudukan di dalam sesebuah kapal atau urusan sesebuah kapal ;

“jurumudi” bermakna sesiapa jua yang tidak menjadi ahli sesebuah kapal yang berkuasa mengemudi-kannya ;

“daerah pemanduan” bermakna mana-mana kawasan di perairan Negara Brunei Darussalam yang diisyiharkan di bawah bab 32 sebagai sesebuah daerah pemanduan ;

“pelabuhan” bermakna mana-mana kawasan di Negara Brunei Darussalam yang diisyiharkan di bawah bab 3 sebagai sesebuah pelabuhan ;

“bayaran-bayaran pelabuhan” bermakna bayaran-bayaran yang dikenakan berkenaan dengan sesebuah kapal kerana memasuki, menggunakan, meninggalkan atau berulang-alik di dalam pelabuhan ;

“dermaga prevet” bermakna sebarang dermaga yang terletak di dalam kawasan darat sesebuah pelabuhan yang tidak dikawal dan diuruskan oleh atau bagi pihak Kerajaan ;

“cukai-cukai” bermakna apa jua cukai atau bayaran-bayaran yang boleh dikenakan oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan di bawah Akta ini tetapi tidak termasuk bayaran-bayaran ;

“kapal” termasuk apa jua kapal atau perahu atau kenderaan yang beralaskan udara atau tiang atau pelantar terapung yang digunakan dalam pelayaran atau dalam apa jua bentuk perusahaan lain dalam mana-mana kawasan, sungai atau perairan lain, atau sebarang jenis kapal lain ; dan

“dermaga” termasuk sesebuah pengkalan, tambatan, jeti atau tempat pendaratan lain.

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh dengan peraturan-peraturan membuat syarat supaya sebutan-sebutan atau sesuatu sebutan tertentu mengenai sesebuah pelampung atau lampu isyarat di dalam Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk, dalam hal-hal yang ditentukan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian ini, peralatan sejenis yang ditentukan sedemikian yang dimaksudkan sebagai sesuatu alat bantuan kepada pelayaran kapal-kapal.

(3) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh dengan peraturan-peraturan membuat syarat

supaya sesuatu barang yang dimaksudkan atau diselaraskan bagi penggunaan di laut dan dihuraikan dalam peraturan-peraturan itu hendaklah atau tidak boleh dianggap sebagai sebuah kapal bagi maksud-maksud mana-mana syarat yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan dari Akta ini atau apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya ; dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian ini boleh –

(a) membuat syarat yang berlainan berhubung dengan ketika-ketika yang berlainan ; dan

(b) jika peraturan-peraturan itu mensyaratkan bahawa sesuatu barang itu hendaklah dianggap sebagai sesebuah kapal bagi maksud-maksud sesuatu syarat yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan itu, mensyaratkan bahawa syarat itu adalah berkuatkuasa berhubung dengan barang itu dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dinyatakan sedemikian.

3. (1) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* —

Peng-
isyiharan
pelabuhan-
pelabuhan
dsb.

(a) mengisyiharkan mana-mana kawasan di Negara Brunei Darussalam dan mana-mana sungai atau terusan yang boleh dilayari yang menghala masuk ke dalam kawasan sedemikian sebagai sesebuah pelabuhan bagi maksud-maksud Akta ini ;

S.5/85

(b) mengisyiharkan mana-mana kawasan di Negara Brunei Darussalam yang berhampiran dengan sesebuah pelabuhan sebagai jalan-jalan masuk ke pelabuhan tersebut.

(2) Tiap-tiap perisyiharan di bawah bab ini hendaklah menentukan had-had kawasan pelabuhan atau jalan-jalan masuk ke pelabuhan itu, yang mana satu berkenaan, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat

S.70/63

boleh dari semasa ke semasa, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengubah had-had kawasan yang telah diisyiharkan demikian.

Perlantikan
Pengarah
Laut
dan pegawai
pegawai lain

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Pengarah Laut dan seorang Timbalan Pengarah Laut serta beberapa pegawai Jabatan Laut yang lain dengan gelaran-gelaran jawatan rasmi sebagaimana yang Baginda mungkin memikirkan patut bagi maksud menjalankan kesemua atau mana-mana dari syarat-syarat Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat ceraian (1), pegawai yang melakukan tugas-tugas Pengarah Laut sebaik-baik sahaja sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini dan semua pegawai Jabatan Laut yang lain sebaik-baik sahaja sebelum tarikh itu adalah dengan ini diteruskan dalam jawatan-jawatan mereka dan adalah mempunyai, menikmati dan hendaklah melakukan semua kuasa, hak keistimewaan serta tugas yang masing-masingnya diberikan, dikabulkan dan dikenakan kepada pemegang-pemegang jawatan mereka masing-masing di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Tugas-tugas
Pengarah

5. Tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini dan dari sebarang undang-undang bertulis yang lain, Pengarah adalah dipertanggungjawabkan terhadap pentadbiran dan kawalan Jabatan Laut dan adalah menjadi kewajipannya, asalkan wang fund kerajaan ada disediakan bagi maksud itu —

(a) untuk mengadakan dan menjaga perkhidmatan-perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan pelabuhan yang mencukupi, cekap lagi sesuai di dalam kawasan laut bagi tiap-tiap pelabuhan ;

(b) untuk mengatur dan mengawal pelayaran di dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan panduan ;

- (c) untuk mengadakan dan menjaga rumah-rumah api serta segala jentera, jalan raya dan yang berhubung dengannya yang dikehendaki berkaitan dengannya, pelampung-pelampung dan lampu-lampu isyarat serta alat-alat bantuan pelayaran lain yang mungkin difikirkannya perlu untuk membantu pelayaran ;
- (d) untuk menjalankan usaha-usaha pengorekan dan pemeliharaan pelabuhan ;
- (e) untuk menyebarkan maklumat pelayaran ;
- (f) untuk mengadakan, sekiranya berfaedah, sesuatu perkhidmatan perahu pengangkut bagi penangkutan penumpang-penumpang, kenderaan-kenderaan atau barang-barang di dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam atau pergi dan balik mana-mana tempat di luar perairan Negara Brunei Darussalam yang dibenarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ; dan
- (g) untuk melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang dikenakan ke atas Pengarah oleh Akta ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

6. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, seorang Timbalan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, serta beberapa pegawai Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan yang lain dengan gelaran-gelaran jawatan rasmi sebagaimana yang Baginda mungkin memikirkan patut bagi maksud menjalankan kesemua atau mana-mana dari syarat-syarat Akta ini atau sebarang Akta bertulis yang lain.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat ceraian (1), pegawai yang melakukan tugas-tugas Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan sebaik-baik sahaja sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini dan semua pegawai Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan yang lain sebaik-baik sahaja sebelum tarikh itu adalah

Perlantikan
Pengarah
Pelabuhan-
Pelabuhan
dan pegawai-
pegawai lain

dengan ini diteruskan dalam jawatan-jawatan mereka dan adalah mempunyai, menikmati dan hendaklah melakukan semua kuasa, hak keistimewaan serta tugas yang masing-masingnya diberikan, dikabulkan dan dikenakan kepada pemegang-pemegang jawatan mereka masing-masing di bawah syarat-syarat Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Tugas-tugas
Pengarah
Pelabuhan-
Pelabuhan

7. Tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini dan dari sebarang undang-undang bertulis yang lain, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan adalah dipertanggungjawabkan terhadap pentadbiran dan kawalan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan adalah menjadi kewajipannya, asalkan wang fund kerajaan ada disediakan bagi maksud itu —

(a) untuk mengadakan dan menjaga perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan pelabuhan yang mencukupi cekap lagi sesuai di dalam kawasan darat bagi tiap-tiap pelabuhan ;

(b) untuk menganjur penggunaan, kemajuan dan perkembangan kawasan tanah bagi tiap-tiap pelabuhan ; dan

(c) untuk melaksanakan tugas-tugas lain sebagaimana yang dikenakan ke atas Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan oleh Akta ini dan sebarang undang-undang bertulis yang lain.

Kuasa-kuasa
Pengarah dan
Pengarah
Pelabuhan-
Pelabuhan

8. Tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini Pengarah boleh terus melakukan kegiatan-kegiatan yang difikirkannya berfaedah, perlu atau sesuai bagi dirinya untuk terus melakukan kerana atau berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah Akta ini ; dan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan adalah mempunyai kuasa-kuasa yang sama berhubung dengan tugas-tugasnya di bawah Akta ini.

9. Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memberi kepada Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan arahan-arahan bersifat am atau tertentu yang tidak berlawanan dengan syarat-syarat Akta ini, tentang perjalanan serta pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah Akta ini dan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, hendaklah menghasilkan arahan-arahan sedemikian.

Kuasa-kuasa
Kebawah
Duli
Yang Maha
Mulia dalam
Majlis
Mesyuarat
berhubung
dengan
Pengarah
dan Pengarah
Pelabuhan-
Pelabuhan

10. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan adalah dipertanggungjawabkan terhadap kawalan dan pengendalian semua tanah dan bangunan Kerajaan yang terletak di kawasan darat sesebuah pelabuhan, kecuali mana-mana tanah atau bangunan yang mungkin ditentukan dalam kenyataan yang menentukan atau mengubah had-had kawasan pelabuhan menurut bab 3.

Kawalan dan
pengendalian
tanah dan
bangunan-
bangunan
Kerajaan di
kawasan-
kawasan
darat
pelabuhan-
pelabuhan

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari semasa ke semasa, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan supaya mana-mana tanah atau bangunan Kerajaan, yang terletak di kawasan darat sesebuah pelabuhan tidak lagi menjadi atau hendaklah menjadi, yang mana satu berkenaan, tertakluk kepada kawalan dan pengendalian Pengawal.

(3) Jika, dengan kuatkuasa ceraian (1) atau apa juar kenyataan di bawah ceraian (2), mana-mana dermaga, bangunan atau tanah menjadi tertakluk kepada kawalan dan pengendalian Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, maka apa juar perintah yang dibuat di bawah bab 57 dari Akta Kastam, (berhubung dengan penubuhan dan penjagaan gudang-gudang kastam) dan sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 134(21) dari Akta tersebut (berhubung dengan bayaran-bayaran dermaga yang kena bayar di bawah Akta tersebut) menyentuh dermaga, bangunan atau tanah sedemikian adalah terhenti dari mempunyai kuatkuasa berhubung dengannya.

Penggal 36

BAHAGIAN II

BAYARAN-BAYARAN DAN CUKAI-CUKAI

Bayaran-bayarannya yang kena bayar mengenai kapal-kapal

11. (1) Tuan punya atau nakhoda tiap-tiap kapal yang memasuki, meninggalkan, menggunakan atau berulang-alik di dalam kawasan mana-mana pelabuhan atau kawasan panduan atau berlabuh di mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam hendaklah membayar —

(a) kepada seseorang pegawai Laut yang layak, bayaran-bayarannya api, panduan dan lain ; dan

(b) kepada seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak bayaran-bayarannya pelabuhan, barang-barang, dermaga prevet, pembuangan sampah dan lain,

sebagaimana yang Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, dari semasa ke semasa menetapkan.

(2) Bayaran-bayarannya yang kena bayar di bawah ceraian (1) hendaklah di bayar selain dari cukai-cukai yang Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh mengenakan di bawah bab 13.

Resit-resit

12. Satu resit bagi apa jua bayaran yang kena bayar di bawah bab 11 hendaklah diberikan kepada tiap-tiap orang yang membayarnya dan mana-mana kapal, berhubung dengan mana sesuatu resit tidak dikemukakan bilamana dituntut oleh seseorang pegawai Laut atau Pelabuhan-Pelabuhan yang layak boleh ditahan sehingga resit itu dikemukakan.

Pengenaan
cukai-cukai
S.5/86

13. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, Pengarah dan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah mengenakan cukai-cukai sebagaimana yang Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, dari semasa ke semasa menetapkan kerana

penggunaan tempat-tempat, jentera-jentera atau alat-alat kepunyaan, dan kerana perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh, Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, dan dengan tidak menyentuh kluasan makna yang disebutkan tadi, kerana mana-mana dari perkara-perkara yang berikut –

- (a) menurunkan, memasukkan ke kapal, menggunakan dermaga, menggunakan alat pengangkut, menyimpan atau mengangkut barang-barang ;
- (b) mengangkut penumpang-penumpang ;
- (c) penggunaan oleh mana-mana kapal atau orang sebarang tempat, dermaga atau limbungan di bawah kawalan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan ;
- (d) penggunaan apa jua alat perkakas, takal, aram-aram atau benda yang dibekalkan oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan bagi maksud mana-mana kapal yang menggunakan atau mana-mana orang yang bekerja di mana-mana tempat, dermaga atau limbungan di bawah kawalan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan ;
- (e) penggunaan apa jua kapal atau jentera kepunyaan atau yang dijaga oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan bagi memadam kebakaran ;
- (f) penundaan, dan memberi bantuan kepada, mana-mana kapal ;
- (g) pembekalan air, bahan api, elektrik dan jenis tenaga yang lain oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan ;
- (h) meletakkan penambat-penambat, kabel-kabel atau paip-paip ;
- (i) menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan panduan dan penyelamatan yang diadakan oleh Pengarah kepada mana-mana kapal.

(2) Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, boleh, dengan kebenaran Menteri, mengikat sesuatu perjanjian khas berhubung dengan mana-mana dari perkara-perkara yang disebutkan dalam ceraian (1) bukan mengenakan kadar bayaran yang ditetapkan terhadapnya.

(3) Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, boleh mengenakan bayaran-bayaran sebagaimana yang Menteri membenarkan kerana perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan atau barang-barang yang dibekalkan oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan menurut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta ini berkenaan dengan mana tiada sebarang kadar bayaran telah ditetapkan di bawah ceraian (1).

(4) Apa jua kadar bayaran yang ditetapkan di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar dan kena bayar seolah-olah perkhidmatan-perkhidmatan, jentera atau kemudahan-kemudahan telah pun diberikan, dilakukan atau dibekalkan jika permintaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan jentera atau kemudahan-kemudahan itu ditarik balik atau dibatalkan tanpa notis penarikan balik atau pembatalan yang ditetapkan mengenai permintaan itu diberikan kepada Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan.

Pengurangan
dan
pengenepian
bayaran-
bayaran dan
cukai-cukai
dan
pengecualian
dari bayaran-
bayaran

14. Menteri boleh, jika difikirkannya patut —

(a) mengurangkan atau mengenepikan keseluruhan atau mana-mana bahagian dari apa jua bayaran atau cukai yang dibayar atau kena bayar di bawah Bahagian ini ;

(b) mengecualikan, atas syarat-syarat yang ia boleh menetapkan apa jua kapal atau jenis kapal-kapal dari apa jua bayaran yang kena bayar di bawah Bahagian ini.

15. (1) Sesiapa jua pegawai Laut atau Pelabuhan-Pelabuhan yang layak boleh masuk ke dalam sesebuah kapal di dalam had-had kawasan sesebuah pelabuhan atau jalan-jalan masuk ke pelabuhan itu atau sesebuah kawasan panduan untuk mempastikan jumlah bayaran atau cukai-cukai yang kena bayar kepadanya berhubung dengan kapal itu.

Kuasa
memasuki ke
dalam kapal-
kapal dan
dermaga-
dermaga
prevet

(2) Sesiapa jua pegawai sedemikian boleh masuk ke dalam mana-mana dermaga prevet di sesebuah pelabuhan untuk mempastikan jumlah bayaran-bayaran dermaga prevet yang kena bayar kepadanya berhubung dengan sesebuah kapal, atau, yang mana satu berkenaan, bagi maksud memperolehi kebenaran masuk ke dalam sesebuah kapal, manakala berlabuh di sesebuah dermaga sedemikian, untuk mempastikan jumlah bayaran-bayaran atau cukai-cukai yang kena bayar kepadanya bersabit dengan kapal itu.

(3) Sesiapa jua yang tanpa alasan yang sah enggan membenarkan mana-mana pegawai sedemikian untuk masuk ke dalam kapal atau ke dalam mana-mana dermaga prevet menurut ceraian (1) atau (2) adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

16. (1) Bagi mendapatkan jumlah semua cukai yang dikenakan di bawah Akta ini berhubung dengan apa jua barang. Kerajaan adalah mempunyai hak menahan barang-barang dan seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak adalah berhak merampas dan menahannya sehingga cukai-cukai itu dibayar sepenuhnya. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat dari sebarang undang-undang bertulis yang lain, hak penahanan sedemikian adalah mempunyai keutamaan dari hak menahan yang lain dan tuntutan bagaimana pun jua ianya berbangkit.

Hak
menahan
barang-
barang
bagi
memperolehi
kembali
cukai-cukai

(2) Cukai-cukai berhubung dengan barang-barang yang akan diturunkan kena dibayar sebaik-baik sahaja turunnya barang-barang itu.

Kuasa
untuk
menjual
barang-
barang
yang masih
dalam
simpanan

(3) Cukai-cukai berhubung dengan barang-barang yang akan dimasukkan ke dalam kapal kena dibayar sebelum barang-barang itu dimasukkan ke dalam kapal.

(4) Cukai-cukai berhubung dengan barang-barang yang akan dipindahkan dari tempat-tempat Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan kena dibayar manakala dituntut.

17. (1) Dengan tidak menyentuh syarat-syarat bab 16, jika apa jua barang yang telah ditaruhkan di dalam atau di tempat-tempat Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan tidak dipindahkan dari tempat-tempat itu dalam masa 28 hari atau mengenai barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain dalam masa 42 hari, maka Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh, manakala tamatnya tempoh tersebut selama 28 atau 42 hari, yang mana satu berkenaan, menjual kesemuanya atau mana-mana dari barang-barang itu dengan cara lelong awam atau tawaran awam :

Dengan syarat bahawa —

(a) mengenai barang-barang jenis yang mudah rosak, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh mengarahkan pemindahannya dalam tempoh yang lebih pendek lagi, iaitu tidak kurang dari 24 jam selepas turunnya barang-barang itu yang mungkin difikirkannya patut, dan jika tidak dipindahkan, maka Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh melakukan dengan cara apa sahaja kepada barang-barang itu yang difikirkannya patut ; dan

(b) mengenai barang-barang yang tuan punya barang-barang itu telah menaruhkan di dalam atau di tempat-tempat tersebut dengan kebenaran Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan semata-mata bagi maksud penyimpanan, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah menyampaikan kepada tuan punya tersebut notis bertulis tidak kurang dari 28 hari yang mengkehendaki pemindahan barang-barang tersebut dan jika tuan punya gagal mematuhi notis itu berhubung dengan

mana-mana barang sedemikian maka Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh menjualnya dengan cara lelong awam atau tawaran awam.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1) sesuatu jualan tidaklah menjadi tidak sah hanya dengan sebab ianya dibuat di dalam atau di pekarangan atau di sesuatu tempat yang orang ramai tidak dibenarkan masuk kecuali dengan menge-mukakan sesuatu pas.

(3) Sebelum membuat sesuatu jualan sedemikian, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah —

(a) menyampaikan kepada tuan punya barang-barang berkenaan atau wakilnya notis bertulis tidak kurang dari 14 hari ; atau

(b) jika tidak diketahui olehnya nama dan alamatnya, menyiarkan notis tersebut di dalam *Warta Kera-jaan* :

Dengan syarat bahawa, jika barang-barang berkenaan adalah sejenis yang begitu mudah rosak yang, pada pendapat Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, akan menjadikan jualannya atau melakukan apa sahaja kepadanya perlu atau lebih baik dibuat dengan serta-merta, maka Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah memberi sesuatu notis, jika ada, yang dianggapnya wajar mengikut hal kedudukan perkara itu.

(4) Hasil dari jualan hendaklah dipergunakan oleh Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan dengan cara yang berikut :—

(a) pertamanya, kerana membayar perbelanjaan-perbelanjaan jualan ;

(b) keduanya, kerana membayar apa jua cukai yang harus dibayar kepada Kerajaan ;

(c) ketiganya, kerana membayar kadar-kadar, pengenaan-pengenaan bayaran dan perbelanjaan yang harus dibayar kepada Kerajaan berhubung dengan barang-barang itu ; dan

(d) keempatnya, kerana membayar pengangkutan, dan tuntutan-tuntutan atau hak-hak penahanan lain yang Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan telah diberi notis di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan perkapalan perdagangan,

dan dengan memberikan lebihnya, jika ada, kepada orang yang berhak terhadapnya atas tuntutan, dan, jika tiada sebarang tuntutan dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh penjualan barang-barang itu, dengan membayar lebihnya itu kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan, tatkala mana segala hak orang itu terhadapnya adalah terhapus.

Kuasa untuk
merampas
kerana tidak
membayar
bayaran-
bayaran,
kadar cukai,
dsb.

18. (1) Jika nakhoda atau tuan punya mana-mana kapal berhubung dengan mana apa jua bayaran kadar atau denda kena dibayar di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya enggan atau lalai membayarinya atau mana-mana bahagiannya manakala diminta, maka Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan atau kedua-dua pegawai itu, yang mana satu berkenaan, boleh selain dari apa jua tuntutan lain terhadap mana Kerajaan mungkin berhak, merampas atau menahan dengan kuasanya sendiri kapal itu dan alat kelengkapan, pakaian atau perabot kepuanyaannya atau mana-mana bahagian daripadanya, dan menaohnya sehingga jumlah atau jumlah-jumlah yang patut dibayar itu dibayar.

(2) Sekiranya mana-mana bahagian dari cukai-cukai, kadar-kadar bayaran atau denda-denda tersebut, atau dari harga perbelanjaan perampasan atau penahanan, atau dari harga perbelanjaan menyimpan kapal, alat kelengkapan, pakaian atau perabot masih belum dibayar selama 14 hari yang berikut selepas itu setelah apa jua perampasan atau

penahanan dibuat, maka Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan atau kedua-dua pegawai itu, yang mana satu berkenaan, boleh menyebabkan kapal itu atau barang lain yang dirampas atau ditahan supaya dijual, dan hasilnya dari penjualan itu boleh menyelesaikan cukai-cukai, kadar-kadar bayaran atau denda-denda serta perbelanjaan-perbelanjaan, termasuk harga-harga perbelanjaan penjualan yang belum dibayar, dengan memberikan yang lebihnya, jika ada, kepada nakhoda atau tuan punya kapal itu atas permintaan.

(3) Jika —

(a) Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu jumlah harus dibayar kepada Jabatan Laut ; atau

(b) Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan memberitahu Pengarah bahawa sesuatu jumlah patut dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, berhubung dengan cukai-cukai, bayaran-bayaran atau denda-denda yang boleh dikenakan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya terhadap mana-mana kapal atau tuan punya, wakil atau nakhoda kapal itu,

maka Pengarah tidak boleh memberi surat izin belayar di bawah Akta ini sehingga jumlah yang harus dikenakan telah dibayar atau jaminan telah diberikan sehingga memuaskan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan atau kedua-dua pegawai itu, yang mana satu berkenaan, terhadap jumlah itu.

19. Dengan tidak menyentuh apa pun jua yang terkandung di dalam bab-bab 16 hingga 18 dan bab 68, Kerajaan boleh mendapatkan kembali dengan tindakan sivil apa jua bayaran, kadar bayaran, perbelanjaan, harga belanja, atau mengenai jualan, bakinya, jika hasil jualan itu tidak mencukupi, atau sebarang hukuman atau denda yang harus dibayar kepada

Tuntutan
dengan cara
tindakan sivil

atau didapati kembali oleh Kerajaan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawahnya.

Kebawah
Duli
Yang Maha
Mulia dalam
Majlis
Mesyuarat
boleh
menetapkan
kehendak-
kehendak
bagi
pembayaran
bayaran-
bayaran
dan kadar-
kadar
bayaran

20. Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan –

- (a) waktu-waktu, tempat-tempat dan caranya tatkala mana atau di mana bayaran-bayaran dan kadar-kadar bayaran hendak dibayar di bawah Akta ini ; dan
- (b) butir-butirnya yang hendak dimasukkan dalam resit-resit yang dikeluarkan berhubung dengan pembayaran bayaran-bayaran dan kadar-kadar bayaran.

BAHAGIAN III

PERATURAN MENGENAI PELABUHAN- PELABUHAN DAN PERAIRAN

Kuasa untuk
melarang dan
mencegah
kapal-kapal
dari
memasuki
atau
terus berada
di Negara
Brunei
Darussalam

21. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melarang dan, jika perlu, mencegah mana-mana kapal dari memasuki atau terus berada di perairan Negara Brunei Darussalam jika Baginda berpendapat bahawa bukan bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam bagi kapal itu untuk memasuki atau terus berada di Negara Brunei Darussalam.

(2) Sesiapa jua yang menyebabkan, membentarkan atau membiarkan mana-mana kapal untuk memasuki atau terus berada di perairan Negara Brunei Darussalam dengan melanggar sebarang larangan yang dikenakan di bawah ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, sesuatu denda dan penjara selama 2 tahun dan, jika sesuatu kesalahan itu berterusan, denda sebanyak \$1,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari sehari semasa mana kesalahan itu terus dilakukan selepas didapati sabit kesalahan.

(3) Mana-mana kapal yang memasuki atau terus berada di perairan Negara Brunei Darussalam dengan melanggar sebarang larangan yang dikenakan di bawah ceraian (1) boleh ditahan.

22. (1) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh membuat peraturan-peraturan bagi pemeliharaan, pengawalan dan pengurusan mana-mana pelabuhan dan jalan-jalan masuk kepadanya, dan bagi pemeliharaan ketenteraman dan pada amnya bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini di dalamnya dan di perairan Negara Brunei Darussalam, dan khususnya dan dengan tidak melemahkan keluasan kuasa yang sebelum ini, boleh membuat peraturan-peraturan berhubung dengan semua atau mana-mana dari perkara-perkara yang berikut :—

Peraturan-
Peraturan

(a) mengatur lalulintas dan mencegah dan menyingkirkan rintangan-rintangan atau gendala-gendala kepada pelayaran ;

(b) mengatur bendera-bendera dan isyarat-isyarat yang akan digunakan oleh kapal-kapal yang tiba, berlabuh di sesebuah pelabuhan dan berlepas dari sesebuah pelabuhan ;

(c) mengatur pengkalan-pengkalan, tempat-tempat perhentian dan tempat-tempat berlabuh yang akan diduduki oleh kapal-kapal di sesebuah pelabuhan dan pemindahan kapal-kapal daripada sesebuah pengkalan, tempat perhentian atau tempat berlabuh ke pengkalan, tempat perhentian atau tempat berlabuh yang lain, dan masanya dalam mana pemindahan sedemikian hendak dilakukan ;

(d) mengatur, caranya, dan syarat-syaratnya yang orang-orang, binatang-binatang, atau barang-barang, boleh dibenarkan masuk, keluar, dan penggunaan

mana-mana pekarangan kepunyaan, atau yang ditadbirkan atau diuruskan oleh Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ;

(e) mengatur caranya yang keadaan-keadaannya di bawah mana memuatkan dan menurunkan barang-barang dari kapal-kapal hendak dilakukan, dan perubahan kedudukan kapal-kapal yang memuat atau menurunkan barang-barang ;

(f) mengadakan ruang-ruang yang tidak tersekut selebar yang dianggap perlu di dalam sesebuah pelabuhan dan jalan-jalan masuk kepadaanya dan di sepanjang atau berdekatan dengan dermaga-dermaga, limbungan-limbungan, tambatan-tambatan dan tempat-tempat lain yang serupa di dalam atau bersebelahan dengannya dan menandakan ruang-ruang yang akan disediakan dengan tidak tersekut itu ;

(g) mengatur bagi mencampakkan sauh, mengikat, menambat dan melepaskan dari tambatan dan menunda semua kapal dan penggunaan tunda-tunda, pelampung-pelampung tambatan, rantai dan penambat-penambat lain dan memberi kebenaran, dengan syarat-syarat yang Pengarah mungkin memikirkan patut, bagi menyimpan atau menaruh penambat-penambat atau pelampung-pelampung prevet ;

(h) mengatur lalulintas, mencegah atau menyingkirkan rintangan-rintangan dan menjaga ketenteraman di dermaga-dermaga dan limbungan-limbungan dan bagi memastikan keselamatannya dan sebarang barang muatan di situ ;

(i) mengatur penundaan atau bantuan lain kepada kapal-kapal dan syarat-syarat dan penentuan-penentuan bagi penundaan atau bantuan tersebut ;

(j) mengatur dan mengawal penggunaan perahu pelabuhan dan mengadakan syarat bagi meleseninya ;

- (k) mengatur penggunaan api dan lampu-lampu serta isyarat-isyarat yang akan digunakan dan langkah-langkah yang akan diambil jika berlaku kebakaran di sesebuah pelabuhan ;
- (l) menguatkuaskan dan mengatur penggunaan lampu-lampu pelayaran, isyarat-isyarat dan lampu-lampu isyarat oleh kapal-kapal dan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengelakkan pelanggaran oleh kapal-kapal yang belayar di perairan sesebuah pelabuhan dan jalan masuk kepadanya ;
- (m) mengadakan syarat bagi pemeriksaan kapal-kapal dalam sesebuah pelabuhan dan mengatur caranya yang kapal-kapal hendak dinaiki dan pemeriksaan semikian dijalankan ;
- (n) larangan merepeh, mengikis atau kerja membaiki yang bising ke atas kapal-kapal atau memberai-beraikan kapal-kapal kecuali di tempat-tempat dan pada masa-masa yang mungkin ditentukan ;
- (o) membenarkan, mengatur dan mengawal naik kapal, turun kapal dan pergerakan orang-orang di darat atau barang di atas atau daripada segala jenis kapal ;
- (p) memastikan keselamatan orang yang bekerja di sesebuah pelabuhan dan di dalam kapal-kapal yang menggunakan sesebuah pelabuhan ;
- (q) penggunaan dermaga-dermaga, limbungan-limbungan dan pekarangan serta apa jua perkhidmatan ulang-alik (ferry) yang selamat dan mudah ;
- (r) melarang apa jua gerakan yang mungkin tidak diingini di sesebuah pelabuhan atau di perairan Negara Brunei Darussalam ;
- (s) mengatur penerimaan, penyimpanan dan pemindahan barang-barang di dalam dan dari pekarangan di sesebuah pelabuhan, dan mengisytiharkan peraturan

yang akan diikuti bagi menjaga barang-barang yang telah rosak sebelum diturunkan atau dikatakan telah pun rosak sedemikian ;

(t) menentukan syarat-syarat dan penentuan-penentuan bagi penjualan dan pembekalan air di sesebuah pelabuhan dan melarang penjualan dan pembekalan sedemikian dalam kawasan pelabuhan kecuali sebagaimana yang ditentukan ;

(u) mencegah asap yang berlebih-lebihan atau gangguan lain dari kapal-kapal, menjaga kebersihan besin-besin, jentera-jentera dan pekarangan-pekarangan di sesebuah pelabuhan dan perairan sesebuah pelabuhan dan jalan-jalan masuk kepadanya dan mencegah minyak, kotoran, sampah atau apa juu barang lain dari dibuang atau masuk ke dalam atau ke atasnya ;

(v) mengelola, mengatur dan mengawal segala kegiatan yang dijalankan dalam kawasan sesebuah pelabuhan dan mengadakan syarat bagi meleseninya ;

(w) menentukan syarat-syarat di bawah mana penyelidikan-penyelidikan “hydrographic” atau “hydrologic” atau pengkajian-pengkajian lain mengenai perairan atau dasar laut boleh dilakukan dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam ;

(x) melarang atau mengatur bagi mengadakan dan memelihara di perairan Negara Brunei Darussalam rumah-rumah api, pelampung-pelampung dan lampu-lampu isyarat serta alat-alat bantuan pelayaran lain yang tidak dipunyai atau didirikan oleh Kerajaan ;

(y) mengadakan syarat bagi mengganti kerosakan atau kehilangan atau kedua-duanya yang disebabkan oleh Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, jika kerosakan atau kehilangan sedemikian tidak dengan cara lain dipersyaratkan dalam Akta ini ; dan

(z) menyingkirkan atau menghadkan tanggungan Kerajaan berhubung dengan apa jua yang dilakukan pada menurut Akta ini.

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengangkut, memuat, menurunkan dan menyimpan barang-barang merbahaya dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam atau dalam had-had kawasan sesebuah pelabuhan dan, khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan syarat-syarat yang disebutkan tadi, bagi semua atau mana-mana dari perkara-perkara yang berikut :—

(a) memperjeniskan barang-barang sebagai barang merbahaya ;

(b) mengatur pelayaran dan tempat perhentian kapal-kapal yang membawa barang-barang merbahaya ;

(c) mengatur cara menempatkan dan menyimpan barang-barang merbahaya di dalam sesebuah kapal sedemikian ;

(d) mengatur dan mengawal pengangkutan, pemunggahan, memuatkan dan menurunkan barang-barang merbahaya ;

(e) melarang atau menaklukkan kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan pengangkutan apa jua jenis barang merbahaya bersama-sama dengan apa jua jenis barang, benda atau bahan ;

(f) melarang memuatkan atau memunggah barang-barang merbahaya di tempat-tempat di mana memuatkan atau memunggah sedemikian nampaknya merbahaya kepada orang ramai khasnya ;

(g) menetapkan tempat-tempat dan masa-masanya ketika mana barang-barang merbahaya akan dimuatkan atau dipunggah dan banyaknya yang akan dimuatkan atau dipunggah pada satu-satu masa ;

(h) mengatur caranya, dan langkah-langkah pencegahan yang akan diikuti dalam, mengangkut atau menyimpan barang-barang merbahaya dan dalam memuatkan atau memunggahnya ;

(i) menetapkan masa-masanya ketika mana lampu-lampu atau api-api akan dibenarkan atau tidak dibenarkan di atas kapal-kapal yang membawa barang-barang merbahaya ;

(j) pada umumnya bagi memperlindungi, sama ada dengan cara-cara yang serupa dengan apa yang disebutkan di atas atau tidak, orang dan harta-benda dari bahaya.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (2), “barang-barang merbahaya” termasuk aquafortis, vitriol (asid sulfurik), naphtha, benzine, ubat bedil, manchis “lucifer”, nitroglycerine, minyak petroleum, apa jua bahan letupan yang ditentukan dengan kenyataan di bawah Akta Senjata-senjata dan Bahan-bahan Letupan dan apa jua barang lain yang Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin, dengan peraturan, mengisyiharkan sebagai barang-barang merbahaya bagi maksud-maksud bab ini.

(4) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dalam pada membuat peraturan di bawah bab ini, mempersyaratkan —

(a) bahawa apa jua pelanggaran mana-mana peraturan adalah menjadi satu kesalahan dan boleh menentukan sebagai hukuman bersabit dengan mana-mana

satu kesalahan sesuatu denda yang tidak melebihi jumlah wang sebanyak \$2,000, dan jika sesuatu kesalahan itu terus dilakukan sesuatu denda yang tidak melebihi \$500 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari sehari dalam masa mana kesalahan itu terus dilakukan selepas tarikh sabit kesalahannya ; dan

(b) bagi pembayaran apa jua perbelanjaan yang dikenakan kerana menyingkirkan apa jua rintangan atau halangan yang disebabkan oleh pesalah itu.

23. (1) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 22 boleh mengadakan syarat supaya Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan atau mana-mana pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang lain boleh —

(a) mengarahkan di mana sesebuah kapal hendak diberhentikan di siring mana-mana dermaga yang terletak di kawasan darat sesebuah pelabuhan ; dan

(b) mengarahkan pemindahan mana-mana kapal dari mana-mana perhentian di siring sebarang dermaga sedemikian kepada sesebuah tempat perhentian lain atau ke tambatan lain atau pengkalan lain, dan masanya ketika mana pemindahan sedemikian akan dilakukan.

(2) Apa jua arahan sedemikian adalah sah meskipun berlawanan dengan apa jua arahan yang mengatasinya sebelum itu atau selepas itu oleh Pengarah atau mana-mana pegawai Laut yang layak yang lain di bawah ceraian (3) (a) atau (b).

(3) Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam ceraian (1) akan menyentuh perjalanan kuasa yang mengatasinya yang diberikan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai Laut yang layak yang lain, dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam untuk —

Kuasa-kuasa
Pengarah dan
Pengarah
Pelabuhan-
Pelabuhan
dan pegawai-
pegawai yang
layak
berhubung
dengan kapal-
kapal

(a) mengarahkan di mana sesebuah kapal hendak diberhentikan, ditambat atau dilabuh dan caranya hendak dilabuhkan ;

(b) mengarahkan pemindahan mana-mana kapal dari mana-mana tempat perhentian, pengkalan atau pelabuhan ke pengkalan, tempat perhentian atau pelabuhan lain dan masanya ketika mana pemindahan sedemikian hendak dilakukan ; dan

(c) mengatur pergerakan dan tambatan kapal-kapal :

Dengan syarat bahawa Pengarah atau mana-mana pegawai Laut yang layak hendaklah, jika keadaan-keadaan membenarkan, meminta nasihat dengan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan sebelum mengarahkan mana-mana kapal supaya diberhentikan di sisi mana-mana dermaga yang terletak di kawasan darat sesebuah pelabuhan atau supaya dipindahkan daripada mana-mana tempat perhentian di sisi sesebuah dermaga sedemikian.

Hukuman kerana tidak mematuhi arahan-arahan yang diberikan di bawah bab 23 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 22

24. (1) Sesiapa jua yang, tanpa alasan yang sah, gagal atau cuai menurut sebarang arahan yang telah diberikan dengan sah oleh seseorang pegawai Laut yang layak atau pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak di bawah bab 23 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab 22 adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan, jika kesalahan itu terus dilakukan, denda sebanyak \$500 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian dari sehari yang kesalahan itu diteruskan selepas sabit kesalahannya.

(2) Jika berlaku kegagalan atau kecuaian sedemikian maka Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, boleh, sama ada sesuatu tindakan telah dimulakan terhadap mana-mana orang kerana kesalahan sedemikian atau tidak, melakukan atau menyebabkan supaya

dilakukan segala tindakan yang pada pendapatnya berpatutan atau perlu bagi maksud menguatkuasakan arahan sedemikian, dan boleh mengupah dan mengambil bekerja orang-orang yang difikirkannya sesuai dan perlu bagi maksud-maksud tersebut.

(3) Segala perbelanjaan yang dibelanjakan dalam melakukan tindakan-tindakan sedemikian hendaklah dibayar dan ditanggung oleh orang atau orang-orang yang melakukan kesalahan demikian.

25. Tiada sesiapa pun boleh menumpahkan apa jua benda atau cecair berminyak ke dalam perairan Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah atau seseorang lain yang mungkin diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan atau tanpa alasan yang sah, dan sesiapa jua yang menumpahkannya atau menyebabkannya supaya ditumpahkan dan tuan punya atau nakhoda mana-mana kapal daripada mana ianya ditumpahkan adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$5,000 selain dari apa jua perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Pengarah kerana menyingkirkan atau menyebabkan penyingkirannya.

Menumpah-kan minyak, dsb., ke dalam perairan Negara Brunei Darussalam

26. (1) Nakhoda tiap-tiap kapal yang berlabuh di dalam, atau belayar di siring mana-mana dermaga di sesebuah pelabuhan di Negara Brunei Darussalam hendaklah dengan serta-merta —

Nakhoda akan melaporkan ketibaan kapal di Negara Brunei Darussalam

(a) melaporkan atau menyebabkan supaya dilaporkan ketibaan kapalnya di pejabat Pengarah dan hendaklah, jika dikehendaki, mengemukakan kepada seseorang pegawai Laut yang layak sijil tempat pendaftarannya atau dokumen-dokumen lain yang setanding dengannya yang mungkin ditetapkan ; dan

(b) menaruh atau menyebabkan supaya ditaruhkan di pejabat Pengarah —

- (i) surat izin belayarnya dari pelabuhannya yang terakhir ;
- (ii) salinan daftar muatan kapal mengenai barang-barang yang akan dipunggah atau dipindahkan dari sesebuah kapal ke sebuah kapal lain di pelabuhan itu ;
- (iii) satu senarai penumpang-penumpang ;
- (iv) satu senarai anak-anak kapal,

atau dokumen-dokumen lain yang mungkin ditetapkan.

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh membuat peraturan-peraturan —

(a) menetapkan apa jua yang boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) ;

(b) mengatur caranya yang kapal-kapal yang tiba di sesebuah pelabuhan atau tempat di Negara Brunei Darussalam hendak dinaiki oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Laut dan pegawai-pegawai Kerajaan lain ;

(c) mengatur maklumat yang akan diberikan kepada pegawai-pegawai tersebut oleh nakhoda-nakhoda dan tuan-tuan punya kapal-kapal itu dan oleh orang-orang lain berhubung dengan kapal-kapal itu dan barang-barang yang dimuatkan atau dipunggah di dermaga-dermaga dan pekarangan-pekarangan di sesebuah pelabuhan, dan masa serta caranya yang maklumat sedemikian hendak diberikan ; dan

(d) mengatur catatan-catatan yang akan dibuat oleh pegawai-pegawai tersebut dalam buku-buku yang mungkin ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu.

(3) Nakhoda mana-mana kapal atau mana-mana orang lain yang gagal mematuhi syarat-syarat dari bab ini atau dari sebarang peraturan yang dibuat di bawah ceraian (2) adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

27. (1) Tiada sebarang kapal boleh meninggalkan mana-mana pelabuhan di Negara Brunei Darussalam tanpa nakhodanya memperolehi surat izin belayar daripada seseorang pegawai Laut yang layak.

Tiada
sebarang
kapal boleh
meninggal-
kan
pelabuhan
tanpa surat
izin belayar

(2) Jika nakhoda mana-mana kapal memperolehi surat izin belayar dan tidak belayar dalam masa 48 jam selepas itu, maka dia hendaklah melaporkan kepada seseorang pegawai Laut yang layak sebabnya kerana tidak belayar, dan jika dikehendaki berbuat demikian, memperolehi surat izin belayar yang baharu.

(3) Bab ini tidaklah dikenakan ke atas kapal-kapal sejenis yang telah dikecualikan dari kuatkuasa bab ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Jika mana-mana kapal, yang tidak dikecualikan dari kuatkuasa bab ini, meninggalkan atau cuba meninggalkan mana-mana pelabuhan tanpa surat izin belayar, atau berlawanan dengan syarat-syarat ceraian (2), maka nakhoda kapal itu dan juga tuan punya serta siapa jua yang menghantar atau cuba menghantar kapal itu ke laut, jika tuan punya atau orang itu mengambil bahagian atau mengetahui berkenaan dengan kesalahan itu, boleh dikenakan bagi tiap-tiap kesalahan denda sebanyak \$1,000, dan kapal itu, jika ia belum meninggalkan Negara Brunei Darussalam, boleh ditahan.

28. (1) Dengan tidak menyentuh bab 18(3), seseorang pegawai Laut yang layak boleh menolak pengeluaran sesuatu surat izin belayar kepada mana-mana kapal —

Bilakah
surat izin
belayar
boleh
ditolak

(a) yang tuan punya atau nakhodanya belum mematuhi mana-mana undang-undang bertulis berhubung

dengan pengimportan atau pengeksportan barang-barang ke dalam atau daripada mana-mana pelabuhan atau tempat di Negara Brunei Darussalam ;

(b) yang tuan punya atau nakhodanya belum mematuhi mana-mana syarat dari Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain ;

(c) jika ada di atas kapal penumpang jenis apa pun yang lebih dari bilangan yang dibenarkan oleh lesen atau sijil kapal itu atau sebaliknya berlawanan dengannya ;

(d) jika, di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, kapal itu tidak boleh meninggalkan perairan atau mana-mana pelabuhan Negara Brunei Darussalam atau akan atau mungkin ditahan.

(2) Mana-mana kapal terhadap mana surat izin belayar ditolak boleh ditahan.

Menguatkuasakan
penahanan
kapal-kapal

29. (1) Jika di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain sesebuah kapal itu akan atau boleh ditahan, mana-mana pegawai bertauliah yang bergaji penuh di dalam Angkatan Bersenjata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau seseorang pegawai Laut yang layak boleh menahan kapal itu dan boleh menaruhkan seseorang Pengawal Polis di atas kapal itu yang boleh mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah kapal itu dari meninggalkan sesebuah pelabuhan atau perairan Negara Brunei Darussalam.

(2) Jika kapal itu, setelah ditahan, atau selepas penyampaian kepada nakhodanya apa jua notis atau perintah tahanan, pergi ke laut sebelum ianya dibebaskan oleh pihak berkuasa yang layak, maka nakhoda kapal itu, dan juga tuan punya atau sesiapa jua yang menghantar kapal itu ke laut, jika tuan punya atau orang itu mengambil bahagian dalam atau mengetahui akan kesalahan itu, boleh dikenakan denda sebanyak \$2,000.

(3) Jika sesebuah kapal yang pergi ke laut membawa ke laut manakala di atasnya dalam melaksanakan tugasnya mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menahan kapal itu atau mana-mana Pengawal Polis, maka tuan punya dan nakhoda kapal itu boleh tiap-tiap seorang dikenakan bayaran semua perbelanjaan dan yang berkaitan dengan pegawai atau Pengawal Polis itu yang diambil ke laut, dan juga boleh dikenakan denda sebanyak \$2,000 dan denda selanjutnya sebanyak \$200 bagi tiap-tiap hari sehingga pegawai atau Pengawal Polis itu kembali atau sehingga sesuatu masa yang akan membolehkannya setelah meninggalkan kapal itu kembali ke pelabuhan daripada mana dia diambil dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperintahkan supaya dibayar boleh didapati kembali dengan cara yang sama seperti denda itu.

(4) Sesiapa jua yang menentang atau dengan apa jua cara menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menahan kapal itu atau mana-mana Pengawal Polis adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$1,000.

30. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan apa jua penyelidikan hydrographic atau hydrologic atau pengkajian-pengkajian lain mengenai perairan dan dasar laut di dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam kecuali dengan perkenan Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penyelidikan-
penyelidikan
hydro-
graphic,
dsb., tidak
boleh
dijalankan
tanpa
perkenan
Kebawah
Duli
Yang Maha
Mulia dalam
Majlis
Mesyuarat

(2) Sesiapa jua yang melanggar ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$5,000 dan penjara selama 6 bulan.

(3) Bab ini tidaklah dikenakan ke atas sebarang penyelidikan hydrographic atau hydrologic atau pengkajian lain yang dijalankan —

(a) kerana atau bagi pihak Kerajaan : atau

Penggal 42

(b) menurut sesuatu lesen yang dikeluarkan atau perjanjian pajakan yang dikabulkan di bawah Akta Melombong (the Mining Act) ; atau

Penggal 44

(c) menurut sesuatu Perjanjian melombong minyak yang diikat di bawah Akta Melombong Minyak Petroleum.

Sekatan ke atas kilang atau perusahaan tertentu di kawasan-kawasan laut pelabuhan-pelabuhan

31. (1) Tiada seseiapa pun boleh, tanpa perkenan Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau seseorang pegawai Kerajaan yang diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat bagi maksud itu, —

(a) membina, mengubah atau memajukan mana-mana kilang di mana-mana bahagian kawasan laut sesebuah pelabuhan ; atau

(b) menaruh di kawasan laut sesebuah pelabuhan, atau memindah atau membawa pergi dari sana, apa jua batu (rock, stones), batu kerikil (shingles, gravel), pasir, tanah atau apa pun jua benda lain.

(2) Sekatan yang dikenakan oleh ceraian (1) tidaklah dikenakan ke atas usaha-usaha mengorek atau kerja-kerja lain yang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, “kerja-kerja” termasuk apa jua usaha-usaha pembinaan atau kejuruteraan atau pemasangan kabel.

(4) Sesiapa jua yang melanggar ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$5,000 dan penjara selama 6 bulan dan tanggungan membayar segala perbelanjaan yang berpatutan yang mungkin dibelanjakan dalam memperbaiki apa jua kerosakan yang disebabkan oleh orang itu kepada mana-mana bahagian kawasan laut sesebuah pelabuhan.

BAHAGIAN IV

PEMANDUAN

32. (1) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan mana-mana kawasan di perairan Negara Brunei Darussalam sebagai sesuatu kawasan pemanduan.

Peng-isytiharan daerah-daerah pemanduan S.13/89

(2) Tiap-tiap perisyiharan sedemikian hendaklah menentukan had-had kawasan pemanduan dan had-had sedemikian boleh diubah dari semasa ke semasa oleh Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

33. (1) Seseorang pegawai Laut yang layak boleh, jika difikirkannya perlu, mengkehendaki mana-mana kapal semasa belayar di dalam mana-mana daerah pemanduan atau sebahagian daripadanya menjadi sebagai di bawah pemanduan dan nakhodanya atau tuan punya kapal itu hendaklah mematuhi kehendak itu.

Kapal-kapal boleh dikehendaki menjadi sebagai di bawah pemanduan

(2) Sesebuah kapal semasa dipindahkan di dalam mana-mana kawasan sesebuah pelabuhan yang menjadi atau merupakan sebahagian dari daerah pemanduan adalah dianggap sebagai sebuah kapal yang sedang belayar di dalam sebuah daerah pemanduan.

34. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Akta ini, Pengarah adalah mempunyai tanggungjawab am untuk mengambil bekerja jurumudi-jurumudi bagi maksud-maksud mengadakan perkhidmatan pemanduan di sesebuah daerah pemanduan.

Mengambil bekerja jurumudi-jurumudi

(2) Pengarah hendaklah memeriksa, atau menyebabkan supaya diperiksa, tiap-tiap calon bagi pekerjaan sebagai seseorang jurumudi dan manakala berpuas hati tentang kesesuaian dan kelayakannya boleh mengeluarkan kepadanya suatu lesen untuk bertindak sebagai jurumudi di dalam sesbuah daerah pemanduan yang ditetapkan dan lesen sedemikian boleh mengandungi syarat-syarat yang Pengarah mungkin menganggap patut.

(3) Tiap-tiap jurumudi hendaklah bila sahaja Pengarah memikirkan bahawa disebabkan oleh keadaan-keadaan yang bertukar atau kerana sebab lain yang mencukupi, ujian selanjutnya tentang kesesuaian dan kelayakan pemandu itu adalah perlu, menghadirkan dirinya bagi pemeriksaan lanjut dan hendaklah dalam tiap-tiap hal sedemikian mula-mulanya menaruhkan dengan Pengarah lesennya itu yang akan dikembalikan kepadanya atau dibatalkan menurut sebagaimana yang hasil pemeriksaan itu menunjukkan.

(4) Tiada sesiapa pun boleh diambil bekerja sebagai seseorang jurumudi di dalam sesbuah daerah pemanduan melainkan dia memegang sesuatu lesen yang sah untuk bertindak sebagai seorang jurumudi di dalam daerah tersebut.

Tanggungan
nakhoda atau
tuan punya
mengenai
sesbuah
kapal
di bawah
pemanduan

Had
tanggungan
jurumudi
manakala
jaminan
(bond)
ada diberikan

35. (1) Nakhoda atau tuan punya sesbuah kapal yang sedang belayar dalam keadaan-keadaan dalam mana pemanduan adalah diwajibkan adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kapal itu atau oleh apa jua kesalahan pelayaran kapal itu dengan cara yang sama seperti yang dia akan bertanggungjawab sekiranya pemanduan tidak terwajib.

36. (1) Tiap-tiap jurumudi hendaklah memberi jaminan dengan jumlah wang yang mungkin ditetapkan bagi faedah Kerajaan untuk pelaksanaan tugas-tugasnya yang sewajarnya di bawah Akta ini.

(2) Apa jua jaminan sedemikian tidaklah dikenakan cukai setem.

(3) Seseorang jurumudi yang telah memberi jaminan menurut ceraian ini tidaklah boleh dikenakan tanggungjawab kerana kecuaian, kurang kecekapan atau tidak berkelayakan dalam jawatan yang lebih dari hukuman daripada jaminan dan jumlah bayaran-bayaran pemanduan berhubung dengan pelayaran dalam mana ianya telah diambil bekerja tatkala ia bertanggungjawab.

37. (1) Pengeluaran sesuatu lesen kepada seseorang jurumudi di bawah bab 34 tidaklah mengenakan tanggungjawab ke atas Pengarah atau Kerajaan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa jua perbuatan, peninggalan atau kemungkirai jurumudi itu.

(2) Seseorang jurumudi semasa melakukan sebarang perbuatan pemanduan adalah, dengan tidak menghiraukan yang ia mungkin bekerja dengan bergaji dengan atau bagi pihak Kerajaan, dianggap hanya sebagai pekerja nakhoda atau tuan punya kapal yang sedang dipandu dan sama ada Kerajaan atau pun mana-mana orang yang bekerja dengan Kerajaan boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang perbuatan, peninggalan atau kemungkiran oleh jurumudi itu.

Pengarah dan Kerajaan tidak bertanggung-jawab kerana kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh jurumudi-jurumudi

38. (1) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh membuat peraturan-peraturan yang —

Peraturan-peraturan yang mengatur pemanduan dan kelakuan jurumudi-jurumudi S.21/88

(a) menetapkan atau membolehkan Pengarah untuk menentukan taraf kelayakan yang hendak dicapai dan syarat-syarat lain yang hendak dipenuhi supaya sesuatu lesen mungkin dikeluarkan di bawah bab 34 ;

(b) menetapkan syarat-syaratnya tertakluk kepada mana lesen sedemikian mungkin dikeluarkan dan lamanya tempoh mana-mana lesen sedemikian ;

(c) menetapkan jumlah wang jaminan yang hendak diberikan oleh seseorang jurumudi di bawah bab 36 ;

(d) mengadakan syarat-syarat bagi kelakuan dan tata tertib jurumudi-jurumudi dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan tugas-tugas mereka ;

(e) mengatur pemanduan dan mengadakan syarat-syarat bagi mana-mana perkara lain berhubung dengan pemanduan.

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dalam membuat peraturan-peraturan di bawah bab ini, mengadakan syarat supaya apa jua pelanggaran mana-mana peraturan adalah menjadi satu kesalahan dan boleh menetapkan sebagai hukuman berkenaan dengan mana-mana satu kesalahan sesuatu denda yang tidak melebihi \$2,000.

BAHAGIAN V

HAD TANGGUNGJAN KERAJAAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI SERTA PEKERJA-PEKERJA JABATAN-JABATAN LAUT DAN PELABUHAN-PELABUHAN

Kehilangan atau kebinasaan atau kerosakan kepada barang-barang selain dari barang-barang yang dipindahkan dari sesebuah kapal ke kapal lain

39. (1) Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan —

(a) terhadap sebarang kehilangan yang disebabkan kepada mana-mana orang oleh kerana salah penyampaian, kurang penyampaian atau tidak ada penyampaian apa jua barang yang disimpan dengan atau ditaruhkan dalam jagaan atau kawalan Jabatan Pelabuhan-pelabuhan, selain dari barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain ;

(b) terhadap kerosakan kepada atau kebinasaan barang-barang yang telah diakui oleh seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak ada di dalam jagaan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan yang berharga lebih dari \$2,000 sebungkus atau unit kecuali jenis dan nilai barang-barang yang terkandung di dalamnya telah, sebelum penyampaian kepada Jabatan tersebut, dinyatakan

secara bertulis kepada seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak oleh orang yang menyampaikan atau menyebakkannya supaya disampaikan, dan Kerajaan tidak boleh bagaimana pun dipertanggungjawabkan terhadapnya jika nilai mana-mana barang sedemikian telah salah dinyatakan.

(2) Di dalam bab ini dan di dalam bab 41 —

“barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain” bermakna barang-barang yang diturunkan dari sesebuah kapal dan ditaruhkan dalam simpanan seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak bagi maksud-maksud pengiriman di dalam sebuah kapal lain atas bil muatan bertarikh di pelabuhan memuatkan barang-barang sedemikian dan menunjukkan bahawa tempat yang dituju ialah melalui sesebuah pelabuhan di Negara Brunei Darussalam, dengan pelabuhan yang dituju yang terakhir ditandakan di atas tiap-tiap bungkusan atau unit yang mengandungi barang-barang sedemikian dan dinyatakan dalam daftar muatan (manifest) pemin-dahan kapal yang dikemukakan kepada Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan yang layak itu sebelum atau pada ketika barang-barang sedemikian ditaruhkan dalam simpanannya ; dan

“bungkusan atau unit” termasuklah container, bungkusan jerami (pallet) atau barang angkut yang serupa yang digunakan untuk menyatukan barang-barang.

40. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab 39, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya oleh tuan punya mana-mana kapal atau barang-barang, mengikat sesuatu perjanjian dengan tuan punya berkenaan dengan mana Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan boleh menerima tanggungjawab bagi pihak Kerajaan terhadap sebarang kerugian yang disebabkan oleh penyampaian yang kekurangan oleh Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan bagi apa juu barang yang ditaruhkan dalam simpanan atau

Tanggungan
Kerajaan
terhadap
kehilangan di
bawah
perjanjian

diletakkan dengan atau ditaruhkan dalam jagaan atau kawalan Jabatan itu atau sebarang kegagalan oleh Jabatan itu untuk menyampaikan atau memberi keterangan terhadapnya, dan bagi maksud-maksud bab ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan yang menentukan syarat-syarat dan penentuan-penentuan perjanjian sedemikian dan boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, dari masa ke semasa menetapkan kadar-kadarnya yang akan dikenakan ; dan peraturan-peraturan sedemikian boleh menentukan syarat-syarat dan penentuan yang berlainan dan kadar-kadar yang berlainan bagi hal-hal yang berlainan.

Kehilangan atau kebinasaan, atau kerosakan kepada barang-barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke kapal lain yang disimpan dengan seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak

41. Berhubung dengan apa juu barang yang dipindahkan dari sebuah kapal ke sebuah kapal lain yang disampaikan oleh mana-mana orang kepada, atau ditaruhkan oleh mana-mana orang dalam jagaan, seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak, Kerajaan adalah, dari ketika pengakuan menerima barang-barang sedemikian dan sehingga penyampaian di siring kapal yang akan membawa seterusnya untuk dimuatkan, bertanggungjawab, tertakluk kepada syarat-syarat bab 42, terhadap kehilangan atau kebinasaan, atau kerosakan kepada barang-barang sedemikian :

Dengan syarat bahawa Kerajaan tidaklah bertanggung-jawab terhadap sebarang kehilangan, kebinasaan atau kerosakan yang berjumlah lebih dari \$2,000 tiap-tiap bungkus atau unit kecuali jenis dan nilai harga barang-barang yang terkandung di dalamnya telah, sebelum penyampaian kepada pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak, dinyatakan kepada pegawai tersebut secara bertulis oleh orang yang menyampikannya atau menyebabkannya disampaikan, dan Kerajaan tidaklah walau bagaimanapun bertanggungjawab terhadapnya jika nilai harga mana-mana barang-barang itu telah salah dinyatakan.

Bala bencana, dsb.

42. Syarat-syarat dari bab-bab 39 dan 41 tidak mengenakan ke atas Kerajaan sebarang tanggungjawab terhadap kehilangan atau kebinasaan, atau kerosakan kepada, mana-mana barang-barang akibah dari —

- (a) kebakaran atau banjir, kecuali disebabkan oleh kesalahan yang sebenarnya dilakukan oleh atau dengan pengetahuan Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ;
- (b) sesuatu bencana alam ;
- (c) sesuatu perbuatan dari peperangan atau oleh musuh-musuh awam ;
- (d) perampasan di bawah sesuatu tindakan undang-undang ;
- (e) sekatan-sekatan kerantina ;
- (f) sebarang perbuatan, peninggalan atau kemungkinan tuan punya atau pembawa barang-barang sedemikian ;
- (g) mogok, halangan-halangan masuk, atau tahanan-tahanan atau sekatan-sekatan buruh dari apa jua sebab, sama ada sebahagian atau amnya ;
- (h) rusuhan-rusuhan dan kegemparan-kegemparan awam ;
- (i) menyelamatkan atau cuba menyelamatkan nyawa atau harta-benda ;
- (j) pembungkusan yang tidak memadai atau tidak senonoh, tanda-tanda yang cacat atau tidak memadai atau kebocoran daripada tong-tong, container-container atau bungkusan-bungkusan yang rosak ;
- (k) sebarang kemungkinan yang sememangnya boleh berlaku terhadap terbuangnya dalam jumlah banyaknya atau beratnya ; atau kerosakan yang mungkin atau sememangnya boleh berlaku atau keburukan yang biasa ;
- (l) sebarang kekurangan dalam muatan bungkusan yang tidak pecah ; atau
- (m) jenis barang-barang yang berbahaya.

Barang muatan tertakluk kepada kerugian pada amnya atau tertentu

- 43.** (1) Tuan punya atau nakhoda sesebuah kapal yang memunggah atau bermaksud akan memunggahkan apa jua barang muatan yang menjadi perkara atau mungkin menjadi perkara sesuatu perakuan mengenai kerugian pada amnya atau tertentu masuk ke dalam bangunan-bangunan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah memaklumkan seseorang pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak mengenai adanya atau kemungkinan adanya perakuan sedemikian dan mengenai butir-butir barang muatan yang terjejas atau mungkin akan terjejas olehnya sebelum bermulanya pemunggahan tersebut.
- (2) Kerajaan adalah terkecuali dari segala tanggungjawab bersabit dengan pemunggahan, penerimaan, penyimpanan atau pemindahan apa jua barang muatan yang disebutkan dalam ceraian (1).

Kerajaan tidak bertanggung-jawab terhadap perbuatan-perbuatan pemunggah-pemunggah kapal atau pekerja-pekerja

- 44.** Mana-mana pemunggah kapal atau pekerja semasa melakukan pekerjaan di dalam atau berhubung dengan sebarang kapal adalah, dengan tidak menghiraukan bahawa gajinya atau pembayaran bagi melakukan pekerjaan tersebut dibayar oleh Kerajaan, dianggap sebagai orang gaji tuan punya dan nakhoda kapal itu dan Kerajaan adalah terkecuali dari segala tanggungjawab terhadap apa jua kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perbuatan, peninggalan atau kemungkiran pemunggah kapal atau pekerja sedemikian.

Had tanggung-jawab bersabit dengan sesuatu sebab

- 45.** Had tanggungjawab di bawah Bahagian ini adalah berhubung dengan keseluruhannya dari sebarang kerugian dan kerosakan yang mungkin berbangkit dari mana-mana satu sebab yang jelas, sungguhpun kerugian-kerugian atau kerosakan-kerosakan sedemikian mungkin ditanggung oleh lebih dari seorang, dan boleh dikenakan sama ada tanggungjawab itu berbangkit pada "common law" atau pun di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan dengan tidak menghiraukan apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis sedemikian.

46. Tiada sebarang perkara atau benda yang dilakukan dan tiada sebarang perjanjian jenis apa pun jua yang diikat oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan bagi pihak Kerajaan dan tiada sebarang perkara atau benda yang dilakukan oleh mana-mana pegawai dari Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan atau oleh mana-mana pekerja dari salah sebuah Jabatan tersebut atau sesiapa pun jua orang lain yang bertindak di bawah arahan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan adalah, jika perkara atau benda itu telah dilakukan atau perjanjian itu telah diikat dengan niat baik bagi maksud melaksanakan syarat-syarat dari Akta ini, menakluki mana-mana pegawai atau pekerja atau mana-mana orang lain sedemikian yang bertindak di bawah arahan Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan kepada sebarang tindakan, tanggungjawab, tuntutan atau desakan apa pun jua berhubung dengannya secara perseorangan.

Per-lindungan dari tanggung-jawab perseorangan

BAHAGIAN VI

PENYINGKIRAN KAPAL-KAPAL YANG TENGGELAM DAN RINTANGAN-RINTANGAN LAIN

47. (1) Jika pada pendapat Pengarah mana-mana kapal atau pesawat terbang yang tenggelam, terdampar atau terbengkalai di perairan Negara Brunei Darussalam adalah, atau mungkin menjadi rintangan, halangan atau bahaya kepada pelayaran di perairan tersebut atau kepada penggunaan atau pengurusan sesebuah pelabuhan dengan selamat dan mudah, Pengarah atau sesiapa jua yang dibenarkan olehnya boleh —

Kuasa untuk menimbulkan dan menyingkirkan kapal atau pesawat terbang yang tenggelam

- (a) mengambil milik dan menimbulkan, menyingkirkan atau memusnahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian kapal atau pesawat terbang itu ;
- (b) menyalakan lampu, menandai atau meletakkan pelampung di tempat kapal atau pesawat terbang itu sehingga ianya ditimbulkan, disingkirkan atau dimusnahkan ; dan

(c) menjual, secara yang difikirkannya patut, apa jua kapal atau pesawat terbang sedemikian berserta dengan barang muatannya atau apa jua yang lain berkaitan dengannya dan daripada hasil penjualan itu membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang dilakukan olehnya bagi pihak Kerajaan dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab ini, dan hendaklah manakala dituntut membayar bakinya, jika ada, daripada hasil penjualan tersebut kepada tuan punyanya.

(2) Jika hasil penjualannya di bawah ceraian (1) tidak mencukupi untuk membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang disebutkan tadi, maka Pengarah boleh mendapatkan kembali bakinya daripada tuan punya kapal atau pesawat itu sebagai hutang dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, "tuan punya" termasuk bukan sahaja tuan punya kapal atau pesawat terbang itu pada ketika ianya tenggelam, terdampar atau terbengkalai bahkan jua mana-mana pembeli mana-mana kapal atau pesawat terbang tersebut selagi kapal atau pesawat terbang itu masih tenggelam, terdampar atau terbengkalai.

Penying-kiran
rintangan-
rintangan
selain dari
kapal-kapal
atau pesawat
terbang

48. (1) Pengarah atau sesiapa jua yang dibenarkan olehnya boleh mengambil milik dan menyingkirkan atau memusnahkan apa jua (selain dari sesebuah kapal atau pesawat terbang) yang menyebabkan atau mungkin akan menjadi rintangan, halangan atau bahaya kepada pelayaran di perairan Negara Brunei Darussalam atau kepada penggunaan atau pengurusan sesebuah pelabuhan dengan selamat dan mudah.

(2) Pengarah boleh, pada sesuatu ketika dan dengan sesuatu cara yang difikirkannya patut, menjual apa jua yang disingkirkan olehnya atau atas kebenarannya di bawah bab ini dan menggunakan hasil dari penjualan itu untuk bayaran perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilakukan olehnya bagi pihak Kerajaan di bawah bab ini dan apa jua bakinya hendaklah dibayar kepada sesiapa jua yang, dalam tempoh 3 bulan

dari tarikh benda itu disingkirkan oleh atau bagi pihak Pengarah, membuktikan sehingga memuaskan Pengarah dengan munasabah bahawa orang itu ialah tuan punya barang itu.

(3) Jika apa jua yang disingkirkan di bawah bab ini tidak dapat dijual atau dijual oleh Pengarah dan hasil penjualannya tidak mencukupi untuk mengganti balik kepada Kerajaan keseluruhan perbelanjaan yang disebutkan tadi, maka Pengarah boleh mendapatkan balik sebagai hutang di dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak kekurangan atau keseluruhan perbelanjaan itu, yang mana satu berkenaan, daripada tuan punya benda yang disingkirkan oleh Pengarah.

(4) Syarat-syarat dari bab ini tidak menyentuh pemakaian bab 49 bersabit dengan rintangan-rintangan yang telah dibuat dengan sahnya atau telah menjadi sah di segi undang-undang.

49. (1) Jika apa jua rintangan atau halangan kepada pelayarannya bagi sesebuah pelabuhan telah dibuat dengan sahnya atau telah menjadi sah di segi undang-undang disebabkan oleh kelanjutan yang lama rintangan atau halangan sedemikian atau lain, maka Pengarah boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, menyebabkan rintangan atau halangan itu supaya disingkirkan atau diubah, dengan memberikan kepada orang-orang yang mengalami kerugian oleh penyingiran atau perubahan sedemikian gantirugi yang berpatutan terhadap kerugian yang dilakukan.

Penying-
kiran
rintangan-
rintangan
tertentu dan
gantirugi
baginya

(2) Jika apa-apa pertikaian berbangkit mengenai gantirugi tersebut, maka jumlahnya dan, jika perlu, apa jua soal tanggungjawab hendaklah dipastikan dan ditentukan terus oleh sesebuah Mahkamah Majistret.

(3) Sesuatu rayuan hendaklah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi daripada sesuatu keputusan sesebuah Mahkamah Majistret di bawah bab ini dan syarat-syarat dari Kanun Peraturan Jenayah adalah dengan pindaan yang sesuai (mutatis mutandis) dikenakan kepada semua rayuan sedemikian.

Penying-kiran
kapal-kapal
yang telah
ditinggalkan
terbengkalai

(4) Syarat-syarat dari bab 68 tidaklah dikenakan jika gantirugi dituntut atau kena dibayar di bawah bab ini.

50. (1) Jika sesebuah kapal telah ditinggalkan terbengkalai atau nampaknya telah ditinggalkan terbengkalai di tepi pantai, dasar laut, atau tebing sebarang sungai atau anak sungai atau di mana-mana tempat awam yang berdekatan atau berdampingan dengan laut atau sebarang sungai atau anak sungai, Pengarah boleh dengan notis bertulis mengkehendaki tuan punya kapal tersebut untuk menyingkirkannya dalam masa yang ditetapkan oleh Pengarah.

(2) Apa jua notis yang akan disampaikan oleh Pengarah di bawah ceraian (1) boleh disampaikan dengan melekat-kannya di kapal yang telah ditinggalkan terbengkalai atau nampaknya telah ditinggalkan terbengkalai dan adalah dianggap telah dialamatkan dengan betul jika dialamatkan dengan memperhalkan “tuan punya” kapal itu tanpa memberikan nama atau perihal lanjut.

(3) Tuan punya sesebuah kapal yang gagal mematuhi sesuatu notis yang disampaikan oleh Pengarah di bawah ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$5,000.

(4) Jika sesuatu notis telah disampaikan oleh Pengarah di bawah ceraian (1) dan kapal itu tidak disingkirkan dari tepi pantai, dasar laut, tebing sebarang sungai atau anak sungai atau dari sesebuah tempat awam yang berdekatan atau berdampingan dengan laut atau sebarang sungai atau anak sungai dalam masa yang ditetapkan di dalam notis itu, maka Pengarah boleh, dengan tidak menghiraukan apa jua tindakan yang mungkin dimulakan terhadap tuan punya kapal tersebut kerana sesuatu kesalahan di bawah bab ini, menyebabkan kapal itu supaya disingkirkan dan boleh menjual atau membinasakannya.

(5) Hasil dari penjualan sesebuah kapal di bawah bab ini hendaklah dirampas menjadi hak Kerajaan.

(6) Jika sesebuah kapal itu disingkirkan, dijual atau dibinasakan di bawah bab ini, maka tuan punya kapal itu adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada Pengarah segala kos dan perbelanjaan yang telah dilakukan terhadapnya dan kos dan perbelanjaan itu boleh didapati balik sebagai hutang yang sepatutnya dibayar kepada Pengarah.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN-KESALAHAN

51. Sesiapa jua yang dengan sengaja dan tanpa alasan yang sah —

- (a) merosakkan mana-mana rumah api atau lampu lampu yang ditunjukkan di dalamnya, atau mana-mana pelampung, lampu isyarat atau alat bantuan pelayaran atau sebarang kabel, kawat atau alat lain, sama ada yang berkaitan dengannya atau tidak ; atau

Kerosakan
kepada
rumah-
rumah api,
dsb.
- (b) menyingkirkan, melonggarkan, menghanyutkan, mengubah atau membinasakan sebarang kapal suar, pelampung, lampu isyarat atau alat bantuan pelayaran, atau sebarang kabel, kawat atau alat lain, sama ada yang berkaitan dengannya atau tidak ; atau
- (c) belayar berdekatan dengan, mengapung di tepi atau melanggar, mana-mana kapal suar, pelampung, lampu isyarat atau alat bantuan pelayaran ; atau
- (d) melonggarkan atau mengalih mana-mana kapal dari tambatan-tambatannya atau dari pengikat-pengikatnya di tepi sesebuah dermaga,

adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 6 bulan dan, selain dari itu membayar perbelanjaan-perbelanjaan sebagai menggantikan apa jua kerosakan yang berlaku.

Berkelakuan
salah oleh
orang yang
kerja di
rumah api

52. Sesiapa jua yang bekerja di dalam atau di sekitar sebuah rumah api, yang dengan sengaja atau dengan cuai tidak melakukan sebarang perbuatan yang wajar dan dikehendaki supaya dilakukan olehnya bersabit dengan lampu-lampu atau isyarat-isyarat yang ditunjukkan di sesebuah rumah api, adalah, jika peninggalan melakukan itu sejenis yang mungkin menyebabkan bahaya kepada pelayaran, bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 2 tahun.

Pencegahan
lampa yang
mengejirukan

53. (1) Bilamana apa jua api atau lampu dinyalakan atau ditunjukkan di sesuatu tempat atau dengan sesuatu cara yang boleh disalah-sangkakan sebagai lampu yang terbit dari sebuah rumah api atau dengan sesuatu cara yang mengganggu penglihatan lampu yang terbit dari sesebuah rumah api, Pengarah boleh menyampaikan notis kepada tuan punya tempat di mana api atau lampu itu dinyalakan atau ditunjukkan, atau kepada orang yang menjaga api atau lampu itu, dengan menyarahkan supaya tuan punya atau orang itu, dalam masa yang berpatutan yang akan ditetapkan dalam notis itu, mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memadam atau melindungi api atau lampu itu dengan berkesan dan untuk mencegah di masa akan datang apa jua api atau lampu yang serupa itu.

(2) Mana-mana tuan punya atau orang, kepada siapa sesuatu notis telah disampaikan di bawah bab ini, yang gagal, tanpa sebab yang munasabah, mematuhi arahan-arahan yang terkandung di dalam notis itu, adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

(3) Jika mana-mana tuan punya atau orang kepada siapa sesuatu notis di bawah bab ini telah disampaikan melalaikan selama tempoh 2 hari untuk memadamkan atau melindungi api atau lampu yang disebutkan dalam notis itu dengan berkesan, maka Pengarah boleh, oleh pegawai-pegawai atau pekerja-pekerjanya, memasuki tempat di mana api atau lampu itu terletak, dan dengan serta-merta memadamkan api atau lampu itu, dengan tidak melakukan sebarang kerosakan yang tidak seperlunya, dan perbelanjaan-perbelanjaan yang

dilakukan olehnya dalam berbuat demikian hendaklah dibayar kepadanya oleh tuan punya atau orang kepada siapa notis itu telah disampaikan.

54. Siapa jua yang

- (a) tanpa alasan yang sah melepaskan tembakan senjata api dalam sesebuah pelabuhan kecuali bagi maksud-maksud membuat sesuatu isyarat kecemasan atau bagi sesuatu maksud lain yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis ;
- (b) memahat, mengikis atau mengasapi sebarang kapal di sesebuah pelabuhan, atau merebus atau memasak sebarang gagala, tar, lilin, dam (resin), damar, minyak cat (turpentine) atau sesuatu benda yang mudah terbakar yang lain di atas mana-mana kapal di dalam kawasan sesebuah pelabuhan, pada bila-bila masa atau di dalam mana-mana kawasan di mana atau di dalam mana perbuatan sedemikian adalah dilarang oleh sebarang peraturan yang diperbuat di bawah Akta ini atau oleh sebarang perintah atau arahan seseorang pegawai Laut yang layak atau nakhoda kapal tersebut ;
- (c) menggunakan api terdedah manakala mengeluarkan minyak spirit, minyak cat (turpentine) atau minyak atau cecair lain yang mudah terbakar jenis apa pun jua di atas sebarang kapal di sesebuah pelabuhan ; atau
- (d) menggunakan sesebuah kapal, atau membenarkan sesebuah kapal untuk digunakan di dalam kawasan perairan Negara Brunei Darussalam —
- (i) bilamana kapal itu dalam keadaan yang oleh sebab keadaan badan, peralatan atau mesinnya cacat, atau disebabkan oleh tidak cukup kakitangan atau sebaliknya mungkin akan membahayakan mana-mana orang ; atau

Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan keselamatan kapal-kapal, dsb.

- (ii) bilamana kapal itu dimuatkan dengan barang-barang muatan atau penumpang-penumpang atau kedua-dua barang muatan dan penumpang-penumpang sehingga membahayakan nyawa mana-mana orang di dalamnya,

adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 6 bulan.

Hukuman-hukuman tentang memakai jurumudi selain dari jurumudi berlesen

55. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat ceraian (2), sesiapa jua yang, bukan seorang jurumudi berlesen, melakukan sebarang perbuatan mengemudi atau cuba memperolehi pekerjaan selaku jurumudi sesebuah kapal yang memasuki atau benda di dalam kawasan pemanduan adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

(2) Tuan punya mana-mana dermaga prevet boleh, dengan kebenaran Pengarah dan tertakluk kepada syarat-syarat yang Pengarah mungkin mengenakan, membenarkan sesiapa jua untuk bertindak selaku juru labuh (berthing master) bagi maksud melabuhkan kapal-kapal dan membongkar sauh di dermaga prevet sedemikian.

(3) Mana-mana nakhoda atau tuan punya sesebuah kapal yang memasuki atau berada di dalam mana-mana kawasan pemanduan yang dengan setahunya memakai selaku jurumudi mana-mana orang yang bukan jurumudi berlesen atau yang tidak dibenarkan menurut syarat-syarat ceraian (2), adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, seseorang jurumudi berlesen, yang bertindak di luar kawasan-kawasan terhadap mana ianya dileseni atau dengan melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah syarat-syarat dari bab 34, adalah dianggap bukan sebagai seorang jurumudi berlesen.

(5) Sesiapa jua boleh, tanpa menyebabkan dirinya sendiri atau majikannya dikenakan sebarang hukuman, bertindak selaku jurumudi sesebuah kapal yang memasuki atau meninggalkan kawasan pemanduan, manakala kapal itu

dalam kecemasan atau di bawah keadaan-keadaan yang menjadikannya perlu bagi nakhodanya untuk mendapatkan bantuan yang paling baik yang boleh didapati ketika itu.

56. (1) Mana-mana jurumudi berlesen, sama ada di dalam atau di luar kawasan-kawasan pemanduan terhadap mana ianya dileseni, yang —

Kesalahan-kesalahan jurumudi-jurumudi berlesen

- (a) dengan apa jua cara pun kena mengena secara langsung atau tidak langsung dalam perbuatan rasuah berhubung dengan kapal-kapal, perlengkapannya, perabot, barang-barang muatan, anak-anak kapal atau penumpang-penumpang, atau berhubung dengan orang-orang yang dalam kecemasan di laut atau kerana kebinasaan kapal, atau berhubung dengan wang-wang, barang-barang atau harta-benda mereka ;
- (b) meminjamkan lesennya ;
- (c) bertindak selaku jurumudi semasa digantung jawatannya ;
- (d) bertindak selaku jurumudi tatkala dalam keadaan mabuk ;
- (e) enggan atau dengan sengaja melambat-lambatkan, bila tidak dihalang oleh penyakit atau sebab lain yang berpatutan, untuk mengemudikan sebarang kapal dalam kawasan-kawasan terhadap mana ianya dileseni oleh Pengarah manakala dikehendaki berbuat demikian oleh seseorang pegawai Laut yang layak ; atau
- (f) meninggalkan kapal yang di bawah pengemudinya tanpa kebenaran nakhoda kapal itu, sebelum perkhidmatan terhadap mana ianya diambil bekerja dilakukan,

adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

(2) Sesiapa jua yang menyebabkan, membantu, bersubahat atau membiarkan perlakuan sebarang kesalahan di bawah bab ini adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

(3) Mana-mana jurumudi berlesen yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah bab ini, atau menyebabkan, membantu, bersubahat atau membiarkan perlakuan mana-mana kesalahannya penggantungan atau pembuangan kerja oleh Pengarah.

Hukuman
ke atas
jurumudi
yang
membahaya-
kan kapal,
nyawa atau
anggota

57. Mana-mana jurumudi berlesen yang, manakala bekerja dalam mengemudikan sesebuah kapal, dengan sengaja mungkir menjalankan tugas atau dengan mencuaikan tugas atau dengan sebab mabuk, sama ada —

(a) melakukan sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan kerugian, kebinasaan atau kerosakan teruk kepada kapal itu dengan serta-merta, atau boleh dengan serta-merta membahayakan nyawa atau anggota mana-mana orang di dalam kapal itu ; atau

(b) enggan atau tidak melakukan sebarang perbuatan yang sah di sisi undang-undang yang wajar dan dikehendaki supaya dilakukan olehnya bagi memperlindungi kapal itu dari kerugian, pembedanaan atau kerosakan teruk, atau bagi memperlindungi mana-mana orang yang bekerja atau di dalam kapal itu dari bahaya kepada nyawa atau anggota,

adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 2 tahun, dan juga penggantungan atau pembuangan kerja oleh Pengarah.

Kegagalan
mengambil
bekerja
jurumudi
berlesen di
bawah
keadaan-
keadaan
tertentu

58. Nakhoda atau tuan punya sesebuah kapal yang belayar dalam keadaan-keadaan dalam mana kapal itu adalah dikehendaki oleh seseorang pegawai Laut yang layak di bawah bab 33, supaya dikemudikan yang tidak mengambil bekerja seseorang jurumudi berlesen bagi maksud demikian adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

59. (1) Mana-mana nakhoda atau tuan punya sebarang kapal atau mana-mana tuan punya apa jua barang-barang yang, dengan apa jua cara pun, mengelak atau cuba mengelak sebarang bayaran atau cukai yang boleh dikenakan di bawah Akta ini adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 4 bulan, dan, selain dari itu, membayar kepada Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, yang mana satu berkenaan, dua kali ganda jumlah bayaran-bayaran atau cukai-cukai yang pesalah itu, telah mengelak atau cuba mengelakkannya.

Pengelakan
bayaran-
bayaran
dan cukai-
cukai

(2) Pemberian kepada atau penerimaan oleh Pengarah atau Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan atau mana-mana dari pegawai-pegawaiannya sebarang bayaran atau cukai, yang pembayarannya telah dielakkan atau tidak dibayar dahulu, tidak melepas atau membebaskan mana-mana orang dari sebarang tanggungjawab terhadap sebarang ganti-rugi atau hukuman akibah dari pengelakan atau tidak membayar tersebut.

60. Sesiapa jua yang membuat sebarang kenyataan yang tidak benar dalam mana-mana perkara yang mustahak di dalam sesuatu penyata, tuntutan atau dokumen lain yang diminta atau dikehendaki oleh seseorang pegawai Laut yang layak atau pegawai Pelabuhan-Pelabuhan adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000 dan penjara selama 6 bulan.

Penyata-
penyata
yang tidak
benar

61. Mana-mana nakhoda, tuan punya atau wakil sesebuah kapal yang memasuki atau meninggalkan atau hendak memasuki atau meninggalkan mana-mana limbungan, atau datang ke tepi atau meninggalkan mana-mana dermaga, yang memberikan maklumat yang tidak benar mengenai ukuran terbenamnya kapal dalam air, panjang atau lebarnya kapal itu kepada seseorang pegawai Laut yang layak atau seseorang pegawai Pelabuhan-pelabuhan yang layak atau kepada mana-mana pekerja Jabatan Laut atau Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan yang tugasnya ialah untuk memastikannya adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$1,000.

Hukuman
terhadap
memberi
maklumat
yang
tidak benar
mengenai
ukuran
terbenamnya
kapal dalam
air, dsb.

Kewajipan
untuk
memberi
maklumat

62. Sesiapa jua yang tanpa sebab yang berpatutan atau alasan yang sah di sisi undang-undang gagal atau enggan memberikan kepada seseorang pegawai Laut yang layak apa jua maklumat yang dikehendaki oleh pegawai itu berhubung dengan pergerakan kapal-kapal di dalam kawasan atau di sekitar kawasan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain perkara yang menyentuh pergerakan dan keselamatan kapal-kapal itu adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$5,000 dan penjara selama 6 bulan.

BAHAGIAN VIII

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

Menteri boleh
menetapkan
tempat-
tempat
yang akan
digunakan
bagi
pemungutan
cukai-cukai
hasil

63. (1) Menteri boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun di dalam Akta ini, menetapkan mana-mana bahagian dari dermaga-dermaga atau bangunan-bangunan di bawah kawalan dan urusan Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan sebagai sesuatu tempat bagi pemungutan cukai-cukai import atau cukai-cukai hasil lain yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Bilamana mana-mana bahagian dari dermaga-dermaga atau bangunan-bangunan sedemikian telah ditetapkan sebagai sesuatu tempat bagi pemungutan cukai-cukai import atau cukai-cukai hasil lain, maka Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan hendaklah mengkhaskan dan memelihara tempat sedemikian, secara yang Menteri menghendakinya, bagi kegunaan orang-orang yang berhak memungut cukai-cukai tersebut.

Kuasa-kuasa
pegawai-
pegawai cukai
dalam
gudang-
gudang
Jabatan
Pelabuhan-
Pelabuhan

64. Sesiapa jua yang menjadi atau yang mempunyai kuasa-kuasa pegawai cukai di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa hendaklah pada bila-bila masa dibenarkan masuk ke semua bahagian mana-mana gudang Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, dan hendaklah dibenarkan memeriksa buku-buku yang disimpan berkaitan dengannya dan barang-barang simpanan di dalamnya.

65. (1) Tiap-tiap notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang akan disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan —

Penyampian
notis-notis

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya di tempat kediaman terakhir orang itu yang diketahui kepada seseorang dewasa atau pekerja dari keluarganya ;
- (b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu yang biasa atau terakhir yang diketahui dalam sampul surat dialamatkan kepada orang itu ; atau
- (c) dengan mengirimkannya melalui pos dengan surat yang mengandungi sampul yang bersetem kepada orang itu di tempat kediaman atau tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir yang diketahui.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat ceraian (1), apa jua notis yang dikehendaki supaya diberikan kepada mana-mana orang yang menyebabkan, membenarkan atau membiarkan apa jua yang menjadi halangan atau rintangan kepada pelayaran dan tidak diketahui siapakah orang itu, adalah dianggap disampaikan dengan betul jika dilekatkan di atas, di tempat atau berdekatan dengan tempat di mana halangan atau rintangan itu berada.

66. (1) Mana-mana pegawai polis, atau pegawai Laut atau pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak yang dengan berpatutan mempercayai bahawa seseorang itu telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mungkin mengkehendaki orang itu supaya memberikan keterangan mengenai siapakah dirinya (identity) sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh pegawai tersebut.

Keterangan
mengenai
siapakah
orang itu
(identity)
mungkin
dikehendaki
dalam
perkara-
perkara
tertentu

(2) Sesiapa jua yang enggan memberikan apa jua maklumat yang dikehendaki daripadanya oleh mana-mana pegawai Polis atau mana-mana pegawai Laut atau pegawai Pelabuhan-pelabuhan yang layak di bawah ceraian (1) atau dengan senghaja salah menyatakan maklumat itu adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$100.

Kuasa-kuasa
menangkap
dan
menaiki kapal

67. (1) Seseorang pegawai polis, atau mana-mana pegawai Laut atau pegawai Pelabuhan-Pelabuhan yang layak boleh menangkap tanpa waran sesiapa jua yang didapati melakukan atau yang ia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang orang yang telah ditangkap demikian boleh ditahan lebih lama dari yang seperlunya kerana membawanya ke hadapan sesebuah mahkamah kecuali perintah mahkamah terhadap penahanannya yang berterusan telah diperolehi.

(2) Mana-mana pegawai tersebut boleh sama ada bersendirian atau dengan mana-mana orang lain menaiki mana-mana kapal di dalam perairan Negara Brunei Darussalam bilamana saja ia mengsyaki bahawa sesuatu kesalahan sedemikian telah atau kira-kira akan dilakukan di dalam kapal itu, atau bilamana saja difikirkannya perlu bagi dirinya berbuat demikian dalam melaksanakan sebarang tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau lain oleh undang-undang.

(3) Sesiapa jua yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang enggan membenarkan mana-mana pegawai tersebut untuk memasuki kapal itu adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$2,000.

68. (1) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan sebaliknya di dalam Akta ini dalam semua perkara di mana pampasan, gantirugi-gantirugi, kos-kos atau perbelanjaan adalah dengan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya diarahkan supaya dibayar, maka jumlahnya dan, jika perlu, pembahagiannya dan apa jua soal tanggungjawab hendaklah, jika berlaku pertikaian dipasti dan ditentukan oleh sesebuah Mahkamah Majistret.

Pampasan,
gantirugi-
gantirugi dan
perbelanjaan-
perbelanjaan
akan
ditentukan
oleh
Mahkamah
Majistret

(2) Jika jumlah pampasan, gantirugi-gantirugi, kos-kos atau perbelanjaan itu tidak dibayar oleh pihak yang bertanggungjawab membayarnya dalam tempoh 7 hari selepas tuntutan, maka jumlah itu boleh dilaporkan kepada sesebuah Mahkamah Majistret dan diperolehi balik dengan cara yang sama seolah-olah ianya sesuatu denda yang dikenakan oleh mahkamah itu.

(3) Sesuatu rayuan hendaklah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi daripada sesuatu keputusan sesebuah Mahkamah Majistret di bawah bab ini, dan syarat-syarat dari Kanun Peraturan Jenayah hendaklah dengan pindaan yang sesuai (mutatis mutandis) dikenakan terhadap semua rayuan sedemikian.

Penggal 7

69. Sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dibicarakan oleh sesebuah Mahkamah Majistret dan mahkamah sedemikian boleh menjatuhkan hukuman sepenuhnya terhadap kesalahan itu.

Mahkamah
bagi
perbicaraan
dan hukuman
bagi
kesalahan-
kesalahan di
bawah Akta
ini

70. Tiada sebarang perbicaraan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan, kecuali oleh atau dengan kebenaran Peguam Negara.

Peguam
Negara
akan
menbenar-
kan
dakwaan

Pernyataan
akan dibuat
dalam aduan
atau saman
mengenai
kesalahan

71. (1) Adalah memadai, dalam apa jua aduan atau saman yang akan dibuat di hadapan atau dikeluarkan oleh mana-mana Mahkamah Majistret terhadap mana-mana firma atau syarikat, atau terhadap sebarang orang yang menjalankan perdagangan atau perniagaan secara berkongsi, atau dalam apa jua sabit-kesalahan yang akan dibuat kemudian kelak terhadap sesuatu denda yang telah dikenakan atau gantirugi yang dikenakan dengan kuatkuasa Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, untuk menyatakan kesalahan yang telah dilakukan oleh firma itu dan untuk menghantar saman itu kepada firma atau syarikat itu atau mana-mana ahlinya.

(2) Penyampaian saman itu di tempat perniagaan biasa firma itu adalah dianggap sebagai penyampaiannya yang memadai.

(3) Sabit-kesalahan sedemikian boleh diperolehi kembali dengan waran dari mana-mana Mahkamah Majistret, yang akan dibuat dan dikeluarkan atas nama dan terhadap firma atau syarikat berkenaan, dan akan diambil dan diperolehi kembali dengan penahanan harta dan penjualan barang-barang firma atau syarikat berkenaan atau barang-barang mana-mana satu firma atau syarikat tersebut.

Pengenaan
Akta

72. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), Akta ini tidak dikenakan kepada kapal-kapal yang dippunyai oleh atau pada masa itu dalam Perkhidmatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kerajaan atau kepada kapal-kapal perang mana-mana negara.

(2) Menteri dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan peraturan-peraturan mengarahkan supaya mana-mana syarat dari Akta ini atau dari mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah

dikenakan kepada apa jua kapal yang disebutkan dalam ceraian (1) yang mungkin dinyatakan dalam peraturan-peraturan tersebut.

(3) Dengan tidak melemahkan mana-mana kuasa lain yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, boleh jika Baginda memikirkan patut, dan tertakluk kepada syarat-syarat yang Baginda memikirkan patut mengenakan, mengecualikan mana-mana kapal atau apa jua jenis kapal dari semua atau mana-mana dari syarat-syarat dari Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan atau kenyataan-kenyataan yang dibuat atau disiarkan di bawahnya, atau tidak payah memenuhi sebarang kehendak yang terkandung dalam mana-mana syarat sedemikian mengenai mana-mana kapal atau jenis kapal.